


Jilid 1
Bil. 68



Hari Khamis
15hb Oktober, 1987

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 11433]

USUL-USUL:

Akta Acara Kewangan 1957—

Menambah Butiran Baru “Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia”, dan “Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut” [Ruangan 11481]

Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960—Caruman Malaysia [Ruangan 11489]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara [Ruangan 11492]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri dan Menteri Kehakiman, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA, (Jasin).
- Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Labis).
- „ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).
- „ Menteri Perusahaan Utama, DATO' DR LIM KENG YAIK, D.P.C.M. (Beruas).
- „ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGGU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGGU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Baharu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).
- „ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun Langkawi).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).
- „ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).
- „ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Menteri Kewangan, TUAN DAIM ZAINUDDIN (Merbok).
- „ Menteri Kesihatan, DATO' CHAN SIANG SUN, S.I.M.P., D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentung).

- Yang Berhormat Menteri Buruh, DATO' LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (ORANG KAYA INDERA SHAHBANDAR), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN KASITAH GADDAM (Kinabalu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, S.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' Oo GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasar Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN NG CHENG KUAI, A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN LOKE YUEN YOW, A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN ALIAS BIN MD. ALI, S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, TOH MUDA DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ TUAN ABDOL MULOK AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD (Pengkalan Chepa).
- „ DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

- Yang Berhormat TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ TUAN CHUA JUI MENG (Bakri).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K (Gaya).
- „ TUAN GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JIMBUN ANAK PUNGA *alias* JAMES JIMBUN ANAK PUNGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).
- „ TUAN LAU DAK KEE (Pasir Pinji).

- Yang Berhormat TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N.,
A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ DR LIM ANN KOON, S.S.A., P.J.K. (Ampang Jaya).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM BIN PANSAI *alias* PAUL PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N.,
P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I.
(Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAACOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM,
D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M.
(Balik Pulau).
- „ TUAN MOHAMMED YUSOFF BIN ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek
Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M.
(Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOHD. ZIHIN BIN MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M.,
S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN (Limbawang).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- Yang Berhormat TUAN NASRUDDIN BIN ALANG SAIDIN (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N.,
A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M.,
S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M.,
S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N.,
P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor
Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED,
S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.N. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).
- „ TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).

- Yang Berhormat DR TING CHEW PEH (Gopeng).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON *alias* ZAINAB BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz,
D.P.M.P., J.M.N., S.M.P., P.P.T.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Hajjah Julia binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT

Khamis, 15hb Oktober, 1987

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mem-*
pengerusikan Mesyuarat)

**JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN**

**BEKALAN GAS ASLI
KE SINGAPURA**

1. Tuan Ahmad bin Omar minta Menteri Kewangan menyatakan apakah dasar-dasar dan syarat-syarat yang dikenakan oleh Kerajaan Malaysia di dalam rundingannya dengan Kerajaan Singapura berhubung dengan perjanjian bekalan gas asli dari Terengganu ke Stesen Janakuasa di Singapura.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, rundingan penjualan gas masih belum selesai. Dengan itu, dasar dan syarat yang diperlukan oleh Ahli Yang Berhormat tidak dapat dikemukakan pada peringkat ini memandangkan bahawa perkara ini boleh menjejaskan.

**PELAJAR-PELAJAR DI
UNIVERSITI ISLAM
ANTARABANGSA**

2. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Pendidikan menyatakan berapakah jumlah murid-murid dari negeri kita yang berada di Universiti

Islam Antarabangsa di Petaling Jaya pada tahun 1987 dan berapakah murid-murid dari luar Malaysia. Berapakah murid-murid daripada setiap negeri selain daripada negeri kita dan adakah benar Universiti Islam Antarabangsa tersebut tidak memberi kepentingan kepada murid-murid Islam yang berasal daripada negeri-negeri yang tidak mengikut Islam sebagai Agama rasmi.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan. Adakah perkataan murid-murid untuk pelajar-pelajar universiti ataupun penuntut-penuntut universiti itu sesuai. Oleh kerana pelajar-pelajar setahu saya adalah untuk kanak-kanak di dalam sekolah rendah dan bukan di universiti. Jadi, saya minta satu ruling sama ada murid-murid ini boleh digunakan untuk pelajar-pelajar universiti.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, benda itu tidaklah menjadi apa-apa mudarat di mana. Bunga ros itu dipanggil nama lain pun cantik juga. (*Tepuk*) Ya, sila.

Timbalan Menteri Pendidikan (Tuan Woon See Chin): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga kini terdapat lebih kurang 15% pelajar-pelajar dari negara luar menuntut di Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan selebihnya adalah pelajar-pelajar Malaysia. Dakwaan Ahli Yang Berhormat bahawa UIA hanya memberi kepentingan kepada pelajar-pelajar dari negara Islam sahaja

adalah tidak benar. Sebaliknya, pelajar-pelajar daripada negara seperti Australia, Perancis, New Zealand, Singapura, Taiwan dan lain-lain juga diterima masuk ke UIA.

Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita difahamkan bahawa graduan bukan Islam dalam UIA sangat tertarik dengan pengajian undang-undang Islam dan ekonomi Islam. Mereka berpendapat pengajian di UIA boleh mengurangkan penyakit polarisasi kaum dan agama di Malaysia. Soalan saya, bagaimana rancangan Kerajaan boleh meningkatkan grant kepada UIA supaya dapat lebih banyak menerima pelajar-pelajar Islam dan bukan Islam dalam negara kita supaya tercapai cita-cita integrasi nasional.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan akan mengkaji cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat. UIA adalah satu universiti di antara beberapa universiti yang ada di negara ini dan bukan sahaja kita hendakingkatkan universiti UIA sahaja, kita juga hendak memberikan perhatian untuk memberi kepentingan kepada semua universiti-universiti yang ada di Malaysia ini untuk kepentingan rakyat kita di negara kita ini.

Tuan Haji Hussein bin Haji Taib: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berpandu kepada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bahawa seramai 15% penuntut-penuntut luar negeri yang belajar di UIA, bermakna 85% lagi adalah daripada Malaysia sendiri. Saya ingin tahu adakah UIA bercadang untuk menjadikan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di universiti ini kerana memandangkan sebahagian ramai penuntut-penuntutnya daripada negeri sendiri.

Selain daripada itu, tidakkah juga UIA ini bercadang untuk meningkatkan pengajaran Bahasa Malaysia untuk dijadikan bahasa yang terkenal di peringkat antarabangsa.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan ada hasrat untuk meningkatkan prestasi pengajaran Bahasa Malaysia yang ada di UIA itu bukan sahaja untuk rakyat Malaysia tetapi juga diharap pelajar-pelajar dari luar negeri pun berminat untuk belajar Bahasa Malaysia.

PEMBINAAN JALANRAYA— KESELAMATAN ORANG AWAM

3. Puan Hajjah Shariffah Dorah binti Dato' Syed Mohamad minta Menteri Kerjaraya menyatakan adakah Kementerian Kerjaraya mempunyai garis panduan dan peraturan yang tertentu bagi menjaga keselamatan kakitangan dan orang awam ketika pembinaan atau memperbaiki jalanraya atau lebuhraya dilakukan umpamanya:

- (i) baru-baru ini di Batu Pahat, Johor, beberapa orang telah ditimpa kemalangan ditimpa oleh batu-batu panas minyak tar disebabkan mereka dipaksa naik di atas lori yang sama. Yang sepatutnya pekerja-pekerja itu hendaklah menggunakan kenderaan yang lain. Berapakah pihak Jabatan Kerjaraya membayar suguhati atau pampasan kepada keluarga yang malang itu; dan
- (ii) pembina-pembina jalanraya atau lebuhraya tidak menyediakan amaran-amaran atau tanda-tanda kawasan yang merbahaya di mana kerja-kerja binaan atau memperbaiki sedang dijalankan. Ini bukan sahaja menyebabkan keadaan lalulintas jadi kelim-kabut. Bahkan terdapat juga

kemalangan jiwa dan kerosakan kenderaan. Apakah tindakan yang dikenakan oleh Kementerian Kerjaraya ke atas pemborong-pemborong yang semata-mata mengejar keuntungan tanpa memikirkan keselamatan orang lain.

Menteri Kerjaraya (Dato' S. Samy Vellu): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kerjaraya sememangnya ada mempunyai peraturan dan arahan teknik bagi menjaga keselamatan orang awam dan pekerja-pekerja semasa kerja-kerja membaiki jalan dilakukan. Di dalam arahan teknik itu kontraktor-kontraktor dan Jabatan Kerjaraya dikehendaki memberi amaran awal kepada para pengguna jalanraya dengan meletakkan papantanda-papantanda yang sesuai pada jarak-jarak tertentu semasa kerja-kerja membaiki jalanraya dilakukan. Tindakan-tindakan akan dikenakan terhadap kontraktor-kontraktor yang melanggar arahan tersebut.

- (i) Dalam kejadian yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, sukalah saya menyatakan bahawa saya telah menyiasat perkara ini dan beritahu kejadian itu adalah satu kemalangan di luar dugaan di mana pekerja-pekerja itu tidak sepatutnya menaiki lori yang membawa premix kerana ada kenderaan lain yang disediakan untuk pekerja-pekerja. Saya difahamkan bahawa mereka tidak dipaksa menaiki lori tersebut melainkan dengan kehendak mereka sendiri menaikinya untuk cepat sampai. Mengenai pampasan, saya difahamkan juga bahawa Jabatan Kerjaraya Negeri Johor sedang memproses pampasan tersebut melalui Kementerian Buruh, sepertimana menurut prosedur biasa yang sedia ada.

- (ii) Kontraktor-kontraktor yang mendapat kontrak Jabatan Kerjaraya adalah dikehendaki mematuhi arahan teknik yang telah saya nyatakan tadi supaya keselamatan pengguna jalanraya dan juga pekerja terjamin. Sekiranya kontraktor tidak mematuhi arahan tersebut, tindakan-tindakan tegas akan diambil seperti menggantungkan kerja mereka.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, mengenai panduan dan peraturan yang tertentu untuk menjaga keselamatan kakitangan ataupun orang awam, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri sama ada sedar atau tidak kontraktor di satu pembinaan lebuhraya yang tidak memberi arahan tetap kepada pekerjanya dan sentiasa menggunakan bendera merah; boleh atau tak boleh bendera merah yang digunakan. Ini boleh menyebabkan kemalangan dan telah berlaku beberapa kemalangan kecil hasil daripada bendera merah yang sentiasa diangkat, mengelirukan. Kalau tak sedar, adakah Menteri pernah menyiasat, dan kalau sedar, apakah tindakan yang akan diambil?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut peraturan yang dikenakan oleh Jabatan Kerjaraya, tiap-tiap kontraktor mesti mengadakan tanda-tanda yang saya sebutkan tadi. Apabila mereka mula kerja, Jabatan Kerjaraya menyiasat adakah tanda-tanda ini mencukupi atau tidak. Tetapi pada permulaannya tanda-tanda cukup sahaja, selepas itu apabila pengguna-pengguna jalanraya ada juga lampu isyarat yang kita simpan di atas jalan pun kena curi. Inilah satu sejarah dan juga satu kebudayaan baru, mereka tidak ingat apakah akan terjadi kepada pengguna-pengguna jalanraya yang mengikuti mereka, sebab itulah kita menghadapi beberapa masalah. Kadangkalanya

perkara ini akan berlaku waktu malam apabila kita menyimpan beberapa buah lampu, tetapi kemalangan telah berlaku sebab lampu tidak ada di tempat yang kita simpan pada malam itu. Jikalau kita dapat laporan, laporan itu sampai kepada Jabatan Kerjaraya waktu pagi sahaja, jadi tempoh masa satu atau dua jam boleh juga satu masa yang terbahaya. Walau bagaimanapun, apabila Jabatan Kerjaraya mendapat tahu keterangan ini dengan serta-merta kita mengambil tindakan. Jikalau tidak ada orang memberitahu kepada kita, dukacitalah tindakan tidak dapat diambil.

Walaupun bagaimanapun, saya telah mengarah kepada Jabatan Kerjaraya untuk menggunakan sistem-sistem baru yang mana kita boleh juga memberitahu pengguna-pengguna jalan berapa jauhkah daripada tempat yang mana mereka berada, ada juga tempat merbahaya yang mana kita memperbaiki jalan-jalan. Dalam lawatan saya ke negara Switzerland satu bulan yang lalu, saya telah menggunakan beberapa buah jalan untuk memeriksa macam manakah mereka akan mengikuti aturan-aturan, selepas itu saya telah memberi arahan kepada Jabatan Kerjaraya untuk mengikuti dengan sistem-sistem baru yang dikenakan di negara-negara Barat. Saya harap masa depan boleh jadi satu masa yang lebih baik.

Dr Chen Man Hin: Tuan Yang di-Pertua, saya faham kesulitan dalam hal ini tetapi barangkali Kementerian berkenaan tidak faham. Ada beberapa Jabatan-jabatan, misalnya LLN dan Telekom apabila ada bekerja adakah mereka minta kebenaran daripada JKR, oleh sebab jalan yang dibaiki itu tidak ada apa tanda-tanda untuk beri amaran kepada rakyat?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kadangkala Jabatan dan agensi-agensi Kerajaan selalunya tidak memberitahu kepada JKR apakah

rancangan mereka. Ada juga satu kejadian yang mana saya dapat tahu, saya sendiri tidak boleh mengikut dengan satu jalan, kontraktor tersebut tutup jalan sepenuhnya. Saya minta siapa beri arahan, dia kata dia beri arahan sendiri. Saya katalah, seorang yang boleh memberi arahan untuk menutup jalan adalah Menteri Kerjaraya. Saya ada di depan awak, macam mana awak tutup? Baru dia kata, minta maaflah Dato, saya tidak tahu awak Menteri Kerjaraya (*Ketawa*). Macam itu ada jugalah kadangkala perkara ini berlaku. Walau bagaimanapun, kita sekarang mengikut dengan satu sistem itu saya minta Jabatan Kerjaraya memberitahu kepada semua Jabatan jikalau mereka tidak minta kebenaran daripada kita, jikalau mengikuti dengan apa-apa kerja, kita akan kenakan fine kepada mereka. Jadi, kita minta dia bayar pampasan jikalau apa-apa kemalangan berlaku.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Kadoh Agundong.

Tuan Taiman bin Lumaing: Tuan Yang di-Pertua, saya minta keizinan daripada Tuan Yang di-Pertua, bolehkah saya mengemukakan soalan ini bagi pihak Yang Berhormat?

Tuan Yang di-Pertua: Nanti habis dahulu, baru balik semula. (*Ketawa*)

Tuan Taiman bin Lumaing: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ada 32 kesemuanya soalan. (*Ketawa*)

(*Soalan No. 4 Y.B. Datuk Kadoh Agunaong tidak hadir*).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan.

(*Soalan No. 5 Y.B. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan tidak hadir*).

KWSP—CARUMAN PEKERJA SYARIKAT LOMBONG ENG-ENG

6. Tuan Liew Ah Kim minta Menteri Kewangan menyatakan bahawa apakah tindakan telah diambil oleh pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) terhadap Syarikat Lombong Eng-Eng No. (2) Majikan 002783355 di Cenderiang, negeri Perak yang tidak menjelaskan caruman-caruman pekerja-pekerja dari tahun 1982 hingga 1985 sejumlah \$58,942.00. Sila nyatakan:

- (i) apakah tindakan undang-undang dapat diambil oleh pihak KWSP terhadap Pengarah-pengarah syarikat yang tidak menjelaskan caruman-caruman pekerja-pekerja sekiranya syarikat tersebut menamatkan perniagaan atau "bankrap"; dan
- (ii) sama ada Kerajaan bercadang untuk meminda Akta KWSP yang ada sekarang supaya kepentingan pencarum-pencarum dapat diperlindungi.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KWSP telah mengambil tindakan undang-undang ke atas Syarikat Lombong Eng-Eng di atas kegagalannya untuk menjelaskan caruman-caruman pekerja-pekerjanya dan kes ini masih lagi dalam perbicaraan.

KWSP boleh mengambil tindakan undang-undang terhadap pengarah-pengarah syarikat yang tidak menjelaskan caruman pekerja-pekerjanya walaupun syarikat tersebut telah menamatkan perniagaan atau bankrap.

Sekiranya seseorang pengarah didakwa, satu perintah akan dikeluarkan oleh mahkamah yang memerlukan beliau membayar

tunggakan caruman dengan segera di bawah seksyen 16A (4) Akta KWSP 1951. Mahkamah juga boleh membenarkan bayaran dibuat secara ansuran bergantung kepada keadaan setiap kes. Sekiranya pengarah gagal mematuhi perintah mahkamah, maka satu Notis Menunjukkan Sebab (notice to show cause) akan dikeluarkan kepada pengarah tersebut bagi menerangkan kenapa beliau tidak perlu menerima hukuman penjara kerana tidak mematuhi perintah mahkamah.

Oleh kerana peruntukan yang ada sekarang adalah mencukupi untuk memberi perlindungan yang sepenuhnya kepada para pekerja, maka Kerajaan tidak bercadang meminda Akta KWSP 1951.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, dalam kes-kes di mana syarikat-syarikat tidak boleh membayar wang caruman KWSP, maka tindakan diambil ke atas pengarah-pengarahnya, tetapi bagaimanakah kalau syarikat-syarikat yang berkenaan tidak membayar caruman di masa pengarah-pengarah yang terdahulu di mana satu-satu syarikat itu ada perubahan Lembaga Pengarah, manakala dalam keadaan kemelesetan ekonomi sekarang kebetulan pengarah baru masuk dan tidak boleh membayar caruman yang ditanggung oleh pengarah-pengarah yang dahulu, di mana KWSP telah mengambil tindakan kepada pengarah-pengarah yang sedia ada.

Apakah Kementerian bercadang untuk melihat ataupun meminda peraturan-peraturan seperti ini supaya memberi keadilan di mana yang harus membayar wang caruman ialah pengarah-pengarah yang bertanggungjawab di ketika wang caruman tersebut terpaksa dibayar?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, saya ingin menerangkan bahawa apabila seseorang pengarah mengambilalih kuasa atau sesuatu syarikat, ia juga mengambilalih semua tanggungjawab yang mungkin dibuat atau ditanggungjawabkan oleh bekas pengarah berkenaan. Jadi, jika syarikat itu tidak membayar wang caruman kepada KWSP pada masa yang lalu dan apabila seseorang pengarah yang baru mengambilalih syarikat berkenaan dan masih tidak membayar caruman, maka KWSP akan meminta pengarah yang baru itu membayar.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, sebelum KWSP mengambil tindakan ke atas seseorang pengarah biasa sesuatu syarikat, pada lazimnya KWSP menulis surat kepada Managing Director (Pengarah Urusan) supaya membayar atau mengambil tanggungjawab membayar semua caruman hutang kepada KWSP. Jika KWSP tidak dapat menghubungi Managing Director berkenaan, maka KWSP akan mengambil tindakan di atas pengarah-pengarah yang lain.

Tuan Liew Ah Kim: Soalan tambahan. Mengapakah syarikat Eng-Eng itu tidak menjelaskan caruman-caruman selama 4 tahun sejak 1982-1985? Bukankah ini menunjukkan satu kelalaian oleh KWSP dan juga kurang tanggungjawab KWSP kerana perkara ini mengambil masa sepanjang 4 tahun tidak dapat dijelaskan caruman-caruman yang telah dikutip daripada pekerja-pekerja berkenaan?

Tuan Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya pihak KWSP telah mengambil tindakan untuk mendapatkan balik atau meminta syarikat berkenaan membayar

caruman yang telah terhutang kepada KWSP, tetapi mungkin oleh kerana keadaan kewangan syarikat tersebut tidak dapat menjelaskan caruman. Walau bagaimanapun, saya ingin memberitahu Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa KWSP mempunyai satu senarai syarikat yang begitu panjang, mungkin mengambil masa sedikit sebelum KWSP dapat mengetahui syarikat yang tidak menjelaskan caruman.

Jadi, saya ingin menegaskan bahawa KWSP di dalam kes ini telah mengambil tindakan dengan begitu segera dan serta merta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Haji Sakaran bin Dandai.

(Soalan No. 7 Y.B. Datuk Haji Sakaran bin Dandai tidak hadir).

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat.

(Soalan No. 8 Y.B. Tuan Teoh Teik Huat tidak hadir).

BIASISWA DARI BADAN-BADAN BERKANUN

9. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pendidikan menyatakan nama syarikat atau badan berkanun dalam Malaysia yang memberi biasiswa kepada pelajar Malaysia yang belajar di luar dan di dalam negeri.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat lebih dari 100 syarikat dan badan-badan berkanun yang menawarkan biasiswa kepada pelajar-pelajar Malaysia yang belajar di dalam dan luar negeri.

Saya tidaklah dapat membaca satu persatu nama-nama syarikat dan badan-badan berkanun yang tersebut pada masa ini. Ahli Yang Berhormat bolehlah memperolehi senarai nama-nama syarikat dan badan-badan

berkanun itu dari syarikat dan Kementerian berkenaan.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin minta Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini apakah bilangan atau pecahan dari segi kaum dan jumlah biasiswa yang diberikan.

Tuan Yang di-Pertua: Pertanyaan seperti itu tak pernah dibenarkan sekarang.

CUKAI KEUNTUNGAN HARTANAH

10. Tuan Haji Mohamed bin Haji Isa minta Menteri Kewangan menyatakan adakah pihak Yang Berhormat Menteri sedar bahawa cukai jualan hartanah biasanya diambilkira setelah penjualan tanah dilakukan selepas 3-4 tahun. Dalam jangkamasa 3-4 tahun itu sudah tentu hasil dari jualan tanah tersebut telah digunakan oleh sipenjual—terutama rakyat-rakyat kampung yang mungkin penjualan itu disebabkan sesuatu seperti menunaikan haji, mendirikan rumah dan sebagainya. Apabila penyata cukai (income tax) diterima oleh pihak penjual, wang jualan tanah telah pun habis dan cukai tidak dapat dibayar lagi. Adakah satu cara lain yang boleh menyenangkan rakyat kampung supaya cukai jualan hartanah itu dipungut sebaik sahaja selesai penjualan dilakukan/tukar hak milik dibuat. Bolehkah pihak Pemungut Hasil Tanah mengambil/menyimpan wang cukai jualan hartanah itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar memang terdapat kes-kes di mana cukai keuntungan hartanah dikenakan selepas 3-4 tahun penjualan tanah dilakukan. Kelewatan ini sebenarnya berpunca daripada pihak-pihak yang terlibat dalam penjualan tanah itu

tidak mematuhi peruntukan-peruntukan dalam Akta Cukai Keuntungan Hartanah, 1976.

Sukalah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa mengikut seksyen 13 Akta itu, tiap-tiap orang yang melupus ataupun menjual dan memperolehi ataupun membeli aset yang boleh dikenakan cukai hendaklah membuat suatu penyata kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri dengan mengisi borang-borang tertentu dan yang telah ditetapkan. Jabatan akan membuat taksiran berdasarkan penyata ini.

Ingin juga dimaklumkan bahawa sekiranya balasan bagi sesuatu pelupusan itu adalah dalam bentuk wang, orang yang memperolehi aset berkenaan adalah dikehendaki oleh Akta tersebut untuk memegang wang itu sehingga ia menerima perakuan Jabatan Hasil Dalam Negeri bahawa bayaran cukai telah diselesaikan. Dengan itu, adalah jelas bahawa sekiranya semua pihak mematuhi undang-undang yang telah ditetapkan, kelewatan Jabatan mengeluarkan notis taksiran tidak timbul sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan di mana cukai dikenakan selepas beberapa tahun berlakunya penjualan aset hanya timbul jika Jabatan tidak dimaklumkan mengenai pelupusan atau penjualan berkenaan. Pihak Jabatan hanya mengetahui melalui sumber lain selepas pelupusan ataupun penjualan berlaku. Pada puratanya, bagi sesuatu penyata yang lengkap dan betul, Jabatan hanya mengambil masa kira-kira dua bulan lebih kurang untuk mengeluarkan taksiran. Oleh itu, berasaskan kepada peruntukan undang-undang yang sedia ada, Pemungut Hasil Tanah tidaklah perlu menyimpan wang bagi tujuan cukai tersebut, yang boleh menyimpan wang tersebut yang terletak di dalam *undang-undang selepas taksiran kasar* dibuat ialah Peguam pembeli

mengikut Akta sebagai stakeholder ataupun pemegang amanah yang telah ditetapkan di dalam undang-undang yang saya sebutkan tadi.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa berlaku di mana Pejabat Hasil Dalam Negeri membuat satu penilaian yang tinggi terhadap sesuatu pelupusan harta tanah walaupun sebenarnya harga pelupusan itu rendah, kemudian terpaksa orang yang melupuskan harta itu dalam tempoh yang berkenaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam undang-undang terpaksa menanggung cukai pelupusan yang tinggi, sedangkan faedah yang diperolehi daripada pelupusan itu adalah rendah. Apakah Timbalan Menteri sedar dan kalau sedar, apakah tindakan yang telah diambil dan setakat ini berapakah kes yang sedemikian sudah dapat diselesaikan kalau ada rayuan daripada orang-orang yang terlibat.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, mungkin soalan itu terlalu umum tetapi saya akan cuba menjawabnya.

Di dalam banyak-banyak kes yang telah kita alami kita dapati bahawa mengikut undang-undang cukai hanya dikenakan kepada pelupusan yang melebihi perolehan iaitu harga penjualan melebihi harga pembelian. Bermakna jika aset itu yang dijual atau yang dilupuskan ada keuntungan maka cukai itu akan dikenakan mengikut kadar-kadar yang telah ditetapkan seperti:

<i>Tahun</i>	<i>Syarikat</i>	<i>Individu</i>
Pertama	20%	20%
Kedua	20%	20%
Ketiga	15%	15%
Keempat	10%	10%
Kelima	5%	5%
Keenam dan seterusnya	5%	Tak kena

Jadi, kalau sekiranya berlaku sebarang kesilapan di dalam taksiran itu bergantung kepada pihak yang melupus. Kalau sekiranya ia telah melupus tetapi tidak melaporkan pelupusannya dan pihak Jabatan Hasil Dalam Negeri mendapat tahu tentang sebarang pelupusan demikian maka terpaksa dibuat satu taksiran. Walau bagaimanapun di dalam pindahmilik harta tanah tersebut di dalam borang yang telah ditetapkan—kalau tidak salah saya “Borang 14A”—maka ternyata di situ berapakah yang dilupuskan dan berapa pula harga yang dikenakan semasa dia mengambil dahulu, bergantung kepada kadar-kadar yang telah ditetapkan di dalam undang-undang.

Kalau sekiranya Yang Berhormat ingin tahu tentang banyak mana kes-kes yang telah selesai, saya inginkan notis.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana terdapat banyak bilangan jemaah haji daripada kampung-kampung yang ke Mekah hasil daripada jualan tanah, terdapat kes-kes yang berkenaan, apakah Kerajaan bercadang untuk mengecualikan cukai pendapatan ke atas seluruh umat Islam yang menunaikan fardhu haji. Saya rasa ini amat wajar sesuai dengan usaha-usaha kita untuk meningkatkan syiar Islam serta mewujudkan masyarakat berdisiplin dan sebagainya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini sukar juga hendak dijawab tetapi saya ingin menyatakan bahawa di dalam Perlembagaan ada ditentukan bahawa sebarang penjualan dia tidak kenal agama ataupun bangsa. Walau bagaimanapun, jika sekiranya cadangan daripada Ahli Yang Berhormat untuk mengubah undang-undang bolehlah Yang Berhormat cadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, hendak cadang, sila cadangkan.

BAHAN MENTAH UTAMA— PERMINTAAN

11. Dato Dr Affifuddin bin Haji Omar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan adakah Kerajaan sedar bahawa permintaan terhadap bahan-bahan mentah utama akan terus berkurangan walaupun peningkatan ekonomi perindustrian berlaku dengan pesatnya di negara maju, disebabkan peningkatan teknologi yang antara lain boleh menyedut semula bahan-bahan ini (recycle) dengan cekapnya dari barang-barang yang terpakai; jika ya, apakah langkah-langkah yang telah Kerajaan ambil untuk meningkatkan:

- (a) inter-industrial trade atau production sharing dengan negara maju selain dari membuat stamping untuk bahagian-bahagian kereta Volvo;
- (b) menjalankan usaha-usaha menggalakkan pergerakan modal (capital movements) ke dalam dan keluar negeri;
- (c) membesar golongan tenaga manusia yang mempunyai pengetahuan mencipta bahan-bahan industri moden seperti bahan-bahan kimia, bahan maklumat (computer softwares) dan lain-lain; dan
- (d) meningkatkan lagi aktiviti Research and Developments.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian (Tuan M. G. Pandithan): Tuan Yang di-Pertua, jawapan untuk soalan ini sangat panjang. Kalau saya menjawab soalan ini saya akan mengambil masa sekurang-kurangnya 12 minit. Saya minta izin dari Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ini secara bertulis.

Tuan Yang di-Pertua: Saya pun susah hendak beri jawapan itu. (Ketawa) Tidak bolehkah lain kali buat jawapan lebih pendek?

Tuan M. G. Pandithan: Soalannya sangat panjang, jawapannya pun panjang. (Ketawa)

Tuan Yang di-Pertua: Baiklah. Saya benarkan dijawab secara bertulis.

KES ROGOL DAN BUNUH

12. Tuan Tan Kok Wai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada Kerajaan sedar tentang pertambahan kes-kes rogol dan bunuh sejak akhir-akhir ini yang melibatkan gadis-gadis malah kanak-kanak perempuan di negara ini dan apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan untuk menjadikan masyarakat kita selamat bagi wanita dan gadis-gadis; dan
- (b) sama ada Kerajaan akan memperkenalkan pindaan-pindaan kepada undang-undang yang ada sekarang untuk memberikan perlindungan yang luas terhadap keganasan seks.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, soalan ini telah saya jawab bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat dari Sungai Petani pada 12hb Oktober, 1987 dan saya tidak bercadang membuat apa-apa tambahan.

KOLEJ TUNKU ABDUL RAHMAN—KAWALAN

13. Tuan Zubir bin Embong minta Menteri Pendidikan menyatakan pengawalan ke atas Institusi Pengajian Tinggi milik swasta yang menerima

bantuan Kerajaan seperti Kolej Tunku Abdul Rahman dari segi Pembelajaran dan Pendidikan supaya ianya tidak bertentangan dengan cita-cita Dasar Pelajaran Kebangsaan sejauh mana setakat ini ianya berkesan dan apakah tindakan yang diambil jika didapati ianya bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan dan Akta Pelajaran 1965.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala kegiatan pembelajaran dan pendidikan yang dijalankan oleh Kolej Tunku Abdul Rahman sentiasa diawasi oleh Kementerian Pendidikan supaya ianya sejajar dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Majlis Kolej ini terdiri dari 5 orang ahli yang dilantik oleh Menteri Pendidikan, seorang ahli yang dilantik oleh Menteri Kewangan, 7 orang ahli yang dilantik oleh Lembaga Pemegang Amanah Kolej, Ketua Kolej dan seorang Ketua Sekolah.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jikalau sekiranya Yang Berhormat berkata "saya difahamkan", tidak boleh. Soalnya?

Tuan Zubir bin Embong: Ini saya hendak kemukakan soalnya. Saya hendak sebut dulu.

Tuan Yang di-Pertua: Soalnya jika sekiranya kita tidak dapat tahu fact dengan sendirinya, tidak boleh dikatakan "saya difahamkan". Tidak boleh diperhujah-hujahkan.

Tuan Zubir bin Embong: Saya tahu bahawa.

Tuan Yang di-Pertua: Yang itu betul. (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Saya tahu bahawa Kolej Tunku Abdul Rahman ini tidak sepelelahpun mengajar dan menggunakan Bahasa Kebangsaan dan memang kalau tidak menggunakan Bahasa Kebangsaan ia memang bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Maka sebagaimana yang diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri adanya 5 orang Jemaah Pengurus yang dilantik oleh Menteri Pendidikan, adanya seorang wakil yang dilantik oleh Menteri Kewangan, nampaknya tidak memberi sebarang kesan kepada perubahan serta dasar yang mahu diamalkan oleh Kolej Tunku Abdul Rahman. Maka saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah tindakan yang sedang diambil? Kita tidak mahu tahu siapa yang menjadi ahli Lembaga Pengurus, tetapi apa tindakan yang sedang diambil oleh Kerajaan sekarang, Kementerian Pendidikan khususnya, terhadap Kolej Tunku Abdul Rahman kalau dia didapati bertentangan dengan Dasar Pelajaran Kebangsaan.

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, apa yang difahamkan atau diketahui oleh Ahli Yang Berhormat itu tidaklah benar. Di dalam Kolej Tunku Abdul Rahman itu Bahasa Malaysia adalah bahasa pengantar bagi semua mata pelajaran yang diajar pada peringkat SPM/STPM kecuali bagi mata pelajaran bahasa Cina dan Kesusasteraan Inggeris. Bahasa Malaysia adalah mata pelajaran wajib untuk semua pelajar yang mengambil kursus dalam sekolah-sekolah diploma.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebilangan pelajar-pelajar Kolej Tunku Abdul Rahman juga terpaksa membuat persediaan untuk mengambil peperiksaan iktisas yang dikelolakan oleh badan-badan

peperiksaan luar negeri yang berbahasa Inggeris. Maka mereka itu hendaklah membuat persediaan dengan membaca buku-buku yang ditulis di dalam bahasa Inggeris.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institut Teknologi MARA juga mengendalikan Kolej Pengajian Persediaan dalam bahasa Inggeris untuk pelajar-pelajar yang akan dihantar ke luar negeri.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini berapakah jumlah bantuan yang diberikan oleh Kerajaan tiap-tiap tahun kepada Kolej Tunku Abdul Rahman ini dan jumlah pelajar-pelajar bumiputera yang diambil belajar di Kolej tersebut?

Tuan Woon See Chin: Tuan Yang di-Pertua, peruntukan kewangan yang diberi kepada kolej Tunku Abdul Rahman untuk tahun 1987 adalah seperti berikut:

Perbelanjaan Mengurus—\$6.5 juta.

Perbelanjaan Pembangunan—
\$10.00 sahaja.

Bilangan pelajar yang berada di Kolej itu, 57 orang pelajar bumiputera, 7,121 pelajar Cina dan 303 pelajar Cina. Dan Kolej ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, cuba baca bilangan itu sekali lagi.

Tuan Woon See Chin: Baik, Tuan Yang di-Pertua. Bilangannya seperti berikut:

Pelajar Bumiputera—57 orang.

Pelajar Cina—7,121 orang.

Pelajar India—303 orang

Tuan Yang di-Pertua, kita nampak kekurangan pelajar bumiputera

memasuki ke tahap TAR College ini, sebab ramai mereka ini telah memasuki ke ITM.

MINYAK MENTAH— KADAR PENGELUARAN

14. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan dengan pertambahan keluaran petroleum, apakah tempoh hayat bekalan petroleum negara sebelum ia dihauskan. Apabila Malaysia mengurangkan pengeluaran petroleum dua tahun lalu, apakah jumlah pendapatan yang mungkin didapati sekiranya negara kita tidak menyahut seruan OPEC berbanding dengan pendapatan dari petroleum yang didapati pada tahun-tahun itu. Bagaimanakah kiraan-kiraan ini dibuat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Kasitah bin Gaddam): Berdasarkan kadar pengeluaran minyak mentah serta anggaran rizab yang masih boleh dikeluarkan, tempoh hayat simpanan minyak mentah adalah lebih kurang 16 tahun pada paras pengeluaran 500,000 tong sehari. Bagi gas pula, tempoh hayat adalah lebih kurang 95 tahun pada paras pengeluaran 1,500 juta kaki padu sehari.

Sejajar dengan seruan OPEC, Malaysia telah mengurangkan pengeluarannya mulai tahun 1985 sebagai langkah untuk menstabilkan harga minyak mentah. Dalam tahun 1985 purata pengeluaran sebenar ialah kira-kira 446,000 tong sehari iaitu 6% lebih rendah daripada paras pengeluaran yang dirancangan.

Bagi tahun 1986 pula purata pengeluaran sebenar ialah sebanyak 502,000 tong sehari merupakan potongan pengeluaran sebanyak 2% daripada yang dirancangan.

Sekiranya Malaysia tidak mengurangkan pengeluarannya, tambahan pendapatan dari eksport

minyak mentah bagi tahun 1985 ialah kira-kira \$758 juta iaitu pada kadar harga purata AS\$27.57 setong dan bagi tahun 1986 pula pertambahan pendapatan daripada eksport minyak mentah ialah sebanyak \$102 juta.

Pengiraan-pengiraan ini dibuat berdasarkan purata paras pengeluaran sebenar, berbanding dengan matlamat asal serta harga purata wajaran bagi setiap tahun. Pertukaran matawang Amerika Syarikat yang digunakan ialah \$2.43 bagi setiap AS\$1.

Bagaimanapun, sekiranya sokongan tidak diberi kepada seruan OPEC dalam usahanya untuk menstabilkan harga minyak mentah, harga minyak setong pasti jatuh dengan lebih rendah lagi. Untuk makluman, harga rasmi minyak mentah Malaysia jenis tapis pada masa itu, iaitu Julai 1986 telah turun kepada paras AS\$10.50 setong. Berikutan dengan usaha-usaha OPEC itu harga minyak mentah tersebut telah naik kepada paras AS\$19.00 setong mulai dari September, 1987.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mendapat tahu dari Yang Berhormat Menteri, adakah unjuran hayat bekalan petroleum yang diberikan itu berasaskan kepada kajian yang dibuat setakat ini tanpa mengambil kira kemungkinan adanya reserve, dengan izin, yang belum lagi diperolehi oleh pihak menyelidiki adanya perkara ini.

Yang kedua ialah dari reserve, dengan izin, negeri manakah yang paling banyak setakat ini didapati oleh pihak Kerajaan dan berapakah jumlah bagi tiap-tiap negeri Sabah, Sarawak, Terengganu dan sebagainya?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, soalan pertama ialah unjuran ini adalah mengikut daripada rizab yang kita telah kenalpasti dan tidak mengambil kira rizab yang akan ditemui pada masa hadapan.

Untuk menjawab soalan yang kedua, rizab yang paling banyak terdapat di Semenanjung Malaysia iaitu lebih kurang 1,600 juta tong; Sarawak, lebih kurang 800 juta tong; Sabah lebih kurang 500 juta tong.

Dr Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah usaha-usaha yang telah dibuat sekarang untuk memanjangkan tempoh hayat bekalan petroleum ini dan apakah alternatif yang diaturkan, yang diusahakan untuk menggantikan apabila bekalan petroleum itu habis. Dan yang kedua, mengapa kadar pengurangan ditetapkan pada 6% bagi tahun 1985 dan 2% untuk tahun 1986? Adakah ini seruan daripada OPEC—kadar yang ditetapkan dan mengapa bagi tahun ini kadar pengeluaran ditingkatkan. Adakah ini seruan lagi daripada OPEC?

Tuan Kasitah bin Gaddam: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan ketiga, peratus yang dikurangkan itu adalah mengikut seruan, dan kita terpaksa mengikut seruan itu, daripada OPEC. Walaupun kita ini bukan ahli OPEC tetapi terpaksa juga kita akan mengikut segala tindakan yang akan diambil oleh OPEC dalam usahanya untuk menstabilkan harga minyak. Untuk menjawab soalan yang kedua, saya ingat soalan kedua juga boleh dijawab dengan soalan yang pertama sama sekali iaitu langkah-langkah yang akan diambil bagi melanjutkan lagi tempoh pengeluaran simpanan minyak negara secara ringkas adalah seperti berikut:

Pertama sekali kita akan melaksanakan "Dasar Susutan Negara" dengan menghadkan pengeluaran ke atas medan minyak melebihi yang mempunyai kandungan minyak 400 juta tong dan menunda pembangunannya sehingga tempoh lima tahun.

Yang kedua, menambahkan lagi jumlah simpanan dari medan-medan minyak yang telah dibangunkan dengan menggali telaga-telaga baru jika perlu dan melaksanakan teknik-teknik penambahan simpanan seperti injeksi air atau gas. Teknik-teknik tersebut telah pun dijalankan dengan jayanya di medan telaga di Terengganu.

Yang ketiga, memaksimumkan penggunaan gas asli untuk menambah ataupun mengambilalih permintaan bahan petroleum dengan membangunkan logi-logi gas. Ini juga dapat mengurangkan pembaziran gas dari medan-medan minyak. Sekarang ini kebanyakan gas yang belum kita dirikan logi-loginya terbakar begitu sahaja. Setakat ini terdapat hanya tiga logi gas dalam operasi iaitu di Terengganu, di Bintulu dan Labuan. Kita juga mempunyai sekarang satu logi yang tidak berapa besar, di Baram Delta iaitu di pantai Sarawak dan ini dijual terus kepada orang ramai.

Yang keempat, kita akan menambahkan aktiviti-aktiviti untuk mencari gali dengan memberi kawasan-kawasan baru kepada syarikat-syarikat minyak yang berhasrat dalam pencarian minyak di kawasan Malaysia.

JALANRAYA PERSEKUTUAN DI SABAH DAN SARAWAK

15. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Menteri Kerjaraya memberitahu:

- (a) manakah jalan-jalan di Sarawak dan Sabah yang telah dijadikan jalan-jalan Persekutuan;
- (b) apakah syarat-syarat yang dikenakan terhadap Kerajaan-kerajaan Negeri apabila jalan-jalan itu dijadikan jalan Persekutuan; dan
- (c) manakah jalan-jalan di kedua buah negeri itu yang akan

dijadikan jalan-jalan Persekutuan di masa Rancangan Malaysia Kelima.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, jawapan bagi soalan—

- (a) Bagi negeri Sarawak sepanjang 1,317 kilometer jalanraya telah diwartakan sebagai jalanraya Persekutuan pada 30hb Oktober, 1986. Begitu juga pada masa yang sama sepanjang 1,063 kilometer jalanraya di Sabah telah diwartakan. Antara jalan-jalan di negeri Sarawak yang diambilalih adalah jalanraya utama dari Semantan ke Miri, Pan Borneo dan jalan-jalan yang menghubungkan stesen-stesen Telekom dan TV. Di negeri Sabah pula antara jalanraya yang diambilalih ialah jalanraya dari Sindumin ke Kota Kinabalu, Kota Kinabalu ke Sandakan, Sandakan ke Tawau, Kota Kinabalu ke Kudat dan jalan yang menghubungkan ke stesen-stesen Telekom, TV, pelabuhan dan lapangan terbang antarabangsa.
- (b) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan tidak mengenakan apa-apa syarat kepada Kerajaan Negeri apabila jalan-jalan negeri diambilalih.
- (c) Seperti yang telah dinyatakan di jawapan (a) jalanraya-jalanraya di Sabah dan Sarawak baru sahaja diwartakan sebagai jalanraya Persekutuan. Oleh itu setakat ini Kerajaan tidak ada rancangan untuk mengambilalih jalanraya-jalanraya lain di negeri Sabah dan Sarawak dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima.

Dr Goh Cheng Teik: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya hendak bertanya Yang Berhormat

Menteri Kerjaraya sama ada Kerajaan Persekutuan akan mengkaji mengambilalih semua jalan-jalan Tempatan dan Negeri yang berada di negara kita memandangkan bahawa cukai jalan dan cukai petrol yang dibayar oleh pengguna-pengguna jalan dibayar secara langsung kepada Kerajaan Persekutuan dan juga memandangkan bahawa Jabatan Kerjaraya merupakan satu agensi Kerajaan yang layak menjaga semua jalan di negara kita?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, mengikut dengan keadaan yang sedia ada, saya percaya kita tidak boleh mengambilalih semua jalan pada masa sekarang. Saya percaya jikalau keadaan kewangan dan lain masalah yang kita hadapi sekarang boleh dapat diselesaikan, pada abad akan datang kita boleh timbang.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berpandukan kepada jawapan yang diberikan, saya ingin mengetahui di sini daripada Yang Berhormat Menteri berkenaan apakah sebab musababnya satu jalanraya yang terdapat di negeri Sabah yang dipanggil Kota Belud/Ranau Bypass, dengan izin, yang telah berkali-kali dikemukakan di Dewan yang mulia ini memandangkan kepentingannya bukan sahaja kepada masyarakat negeri Sabah tetapi juga kepada Kerajaan Persekutuan di mana jalan itu digunakan tempat mengangkut tembaga daripada lombong tembaga di Mamut ke Kota Belud dan menyebabkan jalanraya itu begitu rosak akibat kenderaan pengangkut tembaga yang begitu berat. Jadi kenapakah tidak dapat dipertimbangkan supaya ianya diambilalih oleh Kerajaan Persekutuan supaya ia dapat diperbaiki setaraf dengan jalan-jalan Persekutuan yang ada?

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah daripada

kenderaan berat bukanlah satu masalah di Sabah dan Sarawak sahaja. Itu jadi satu masalah nasional. Sebab itu jugalah Kementerian saya sedang menimbang untuk mengadakan satu kajian yang mana kita boleh mengadakan stesen-stesen untuk menimbang kenderaan-kenderaan bolehkah mereka menggunakan jalan yang kita sedia ada.

Yang kedua, berkenaan dengan jalan yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi, itu termasuk dalam peringkat jalan Negeri, saya tidak ada apa-apa tindakan atau rancangan untuk memperbaiki.

Berkenaan dengan Jalan Ranau dan masalah-masalah yang dihadapi di Ranau, saya sendiri sedar apakah masalah itu, ini ada dalam timbangan Kementerian saya sekarang.

Selain daripada itu suka saya menjelaskan kepada Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Persekutuan pada masa sekarang sedang membelanjakan lebih daripada \$400 juta di negeri Sabah.

KOPERASI PENGAMBILAN DEPOSIT—BAYARAN BALIK

16. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) mengapakah setakat kini para pendeposit-pendeposit Koperasi Penyimpanan Deposit (KPD) yang dibekukan masih belum menerima bayaran wang tunai yang kedua;
- (b) bilakah para pendeposit-pendeposit KPD akan menerima bayaran kedua dan berapa banyakkah jumlah peratusnya;
- (c) bilakah para pendeposit-pendeposit akan menerima wang tunai sebanyak 50% yang dijanjikan oleh Bank Negara;

- (d) bagaimanakah caranya baki 50% yang akan ditukarkan kepada ekuiti akan diuruskan dan bilakah ia boleh dialih kepada wang tunai; dan
- (e) tahun berapakah para pendeposit KPD boleh mendapat balik wang simpanan penuh mereka.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembayaran kedua kepada pendeposit-pendeposit 10 koperasi Pengambilan Deposit (KPD) yang telah mencapai persetujuan dengan institusi-institusi kewangan yang dilantik, akan dibuat mengikut jadual sebagaimana yang telah ditetapkan dalam skim penyelamat yang telah dipersetujui iaitu pada bulan Januari 1988. Bagi 13 KPD yang belum diselesaikan, Kerajaan telah pun bersetuju supaya pendeposit-pendeposit dibayar balik sehingga 50% dalam bentuk tunai dan bakinya dalam bentuk ekuiti. Bank Negara Malaysia sekarang ini sedang menyediakan langkah-langkah akhir dengan penerima-penerima, butir-butir lanjut mengenai pembayaran kedua. Tarikhnya akan diumumkan kelak tidak lama lagi. Jumlah pembayaran, jadual serta mekanikanya, akan diumumkan dalam masa yang sama.

Butir-butir terperinci bagaimana ekuiti akan dibayar balik sedang dalam tindakan terakhir. Ini akan diumumkan tidak lama lagi.

Untuk 10 KPD yang telah diselesaikan, pendeposit-pendeposit akan mendapat balik kesemua deposit mereka selaras dengan rancangan penyelamat yang telah dipersetujui. Dalam setengah kes, usaha-usaha sedang diambil untuk memendekkan tempoh pembayaran deposit berkenaan supaya tidak lewat

daripada tahun 1990. Bagi pendeposit-pendeposit 13 KPD yang lain, mereka akan menerima balik kesemua deposit mereka dalam bentuk kombinasi tunai dan ekuiti. Pembayaran balik tunai kepada pendeposit-pendeposit KPD ini akan diasaskan kepada nilai sandaran harta bersih KPD berkenaan di mana sekurang-kurangnya 50% daripada deposit akan dibayar tidak lewat daripada tahun 1990. Baki selebihnya akan ditukar kepada ekuiti.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan begitu baik hati dengan mencari jalan untuk menyelesaikan masalah KPD dan setahu saya serentak dengan usaha Kerajaan untuk menyelesaikan masalah KPD ini ada juga diumumkan di mana Kerajaan bercadang untuk menubuhkan tabung sebanyak \$500 juta bagi membantu peniaga-peniaga bumiputera sepertimana yang dibuat kepada KPD ini. Jadi sejauh manakah usaha tersebut telah dijalankan supaya adil kerana KPD pun sepatutnya tidak patut kita campurtangan, ini urusan penyimpan-penyimpan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak benarkan soalan itu.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Soalan itu tidak berkenaan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Zainal Abidin bin Zin: Tuan Yang di-Pertua, saya sangat tertarik hati dengan jawapan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya kerana terdapat beberapa perisytiharan yang telah dibuat oleh ahli-ahli di dalam Kerajaan tentang kesediaan Kerajaan untuk membayar balik kepada penyimpan-penyimpan sebelum Kabinet sendiri membuat keputusan. Adakah tindakan perisytiharan untuk membayar balik yang telah dimaklumkan lebih dahulu daripada Kabinet ini melanggar dengan akta Kerajaan berkabinet?

Yang kedua, atas faktor apakah Kerajaan sanggup membayar balik kepada penyimpan-penyimpan KPD ini sedangkan Kerajaan tahu betapa "shrewd", dengan izin, organisasi ini mengelola tawaran-tawaran faedah yang tinggi sedangkan pihak bank sendiri tidak dapat menawarkan faedah yang tinggi di dalam institusi kewangan ini. Kalau kita lihat daripada segi ini ternyata bahawa "the grand design" lebih awal adalah tidak ikhlas dan kenapa secara ketidakikhlasan Kerajaan sanggup membayar balik keseluruhannya?

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, sebarang kenyataan yang dikeluarkan oleh orang-orang individu sebelum kenyataan rasmi bukan tanggungjawab Kerajaan. Kenyataan rasmi dikeluarkan pada ketika-ketika yang telah ditetapkan. Soalan kedua, saya tidak perlu jawab.

JALAN KOTA KINABALU KE PENAMPANG

17. Datuk Bernard Giluk Dompok minta Menteri Kerjaraya menyatakan sebab-sebab kelambatan pembinaan jalanraya dua-hala di antara Kota Kinabalu dan Penampang di Sabah, dan sama ada jalanraya baru itu boleh dibina sehingga Pekan baru Donggongon.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, kerja-kerja jalanraya Kota Kinabalu dan Penampang adalah melibatkan kenaikan taraf jalanraya daripada dua lorong kepada empat lorong. Oleh kerana jalan tersebut melalui tanah yang lembut, maka kerja-kerja menguatkan keadaan tanah perlu dibuat terlebih dahulu dan ini memakan masa yang panjang. Di samping itu kerja-kerja pembinaan tidak dapat dijalankan dengan lancar kerana lalulintas yang menggunakan jalan itu perlu dikekalkan kerana ianya adalah merupakan jalan utama

ke Kota Kinabalu. Keadaan ini sedikit sebanyak telah mengganggu kelancaran kerja-kerja di jalan tersebut.

Jalan Kota Kinabalu ke Penampang sememangnya dirancangkan untuk dinaikkan taraf sehingga ke pekan baru Donggongon. Oleh kerana keadaan ekonomi sekarang, peruntukan hanya disediakan bagi menyiapkan sebahagian daripada Jalan Kota Kinabalu ke Jalan Duta sahaja.

Tuan Gerard Math Lee Min: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Semasa membina jalanraya itu, kenapa jalan masuk ke estet perumahan Taman Delima ditutup. Perbuatan ini mengakibatkan kerumitan kepada penduduk-penduduk di taman tersebut oleh sebab penduduk-penduduk dipaksa menggunakan jalan masuk yang lain yang sangat jauh dari jalan masuk asal.

Dato' S. Samy Vellu: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu perkara ini. Jikalau Ahli Yang Berhormat memberi kepada saya satu laporan, saya akan mengambil tindakan kepada kontraktor, sebab dia tiada apa-apa arahan daripada Kementerian saya untuk menutup jalan. Jikalau ada jalan mesti kita beri jalan kepada mereka.

RANCANGAN TRANS PERAK I

18. Tuan Nasruddin bin Alang Saidin minta Menteri Pertanian menyatakan berkaitan dengan Rancangan Trans Perak I:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa jalan ladang termasuk jambatan dan lain-lainnya hampir musnah akibat tidak diselenggarakan dengan sempurna. Jika ya, bila perkara-perkara ini akan dapat diatasi; dan

- (b) sama ada beliau sedar bahawa satu kajian mengenai ketumbuh blok yang menelan belanja beratus-ratus ribu ringgit telah dibuat tetapi sehingga hari ini masih belum dilaksanakan, jika ya, bilakah perlaksanaannya akan dimulakan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, soalan ini telah pun dijawab bersama dengan soalan No. 2 pada tanggal 12hb Oktober, 1987. Oleh yang demikian, tiada apa-apa tambahan atas soalan tersebut.

Tuan Nasruddin bin Alang Saidin: Soalan yang telah dijawab hanya 18 (a), bukan 18 (b) dan saya pohon kalau boleh 18 (b) dijawab, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, pihak Kerajaan sedar kajian kemungkinan projek pembangunan kawasan bersepadu ketumbuh blok ini telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian melalui sebuah firma perunding swasta. Kajian ini telah dimulakan pada penghujung tahun 1984 dan siap pada akhir tahun 1986 dengan melibatkan kos sebanyak \$1.35 juta. Memandangkan keadaan kemelesetan ekonomi dan pemotongan Anggaran Peruntukan Pembangunan Rancangan Malaysia Kelima Kementerian Pertanian, maka pelaksanaan projek-projek baru seperti projek ketumbuh blok ini telah terpaksa ditangguhkan kerana keutamaan pelaksanaan terpaksa ditumpukan kepada projek-projek yang sedang giat dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4, 5, 7, 8 dan 19 hingga 32 adalah diberi di bawah ini).

PROJEK HAIDRO ELEKTRIK DI TENOM PANGI

4. Datuk Kadoh Agundong minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan kenapakah tenaga haidro-elektrik Pangi-Tenom disalurkan terus ke daerah-daerah lain sedangkan di daerah Tenom sendiri ramai yang belum dibekalkan tenaga dari haidro-elektrik tersebut. Adakah Kementerian beliau bercadang untuk menambah tenaga kuasa terhadap projek haidro-elektrik yang ada sekarang di Pangi, Tenom. Jika ada, bilakah ianya dilaksanakan.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Abdul Ghani bin Othman): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, negeri Sabah mempunyai alam semula jadi yang amat sesuai untuk penjanaan elektrik dengan menggunakan sistem haidro.

Oleh yang demikian, projek haidro elektrik di Tenom Pangi adalah satu daripada punca penjanaan kuasa elektrik yang mempunyai keupayaan sebanyak 53 Megawatt dan digunakan untuk membekalkan tenaga letrik kepada sistem "grid" Pantai Barat Sabah yang termasuk kawasan Kota Kinabalu, Penampang, Beufrod dan Pekan Tenom sendiri.

Dari segi teknikal pula, kuasa letrik daripada Tenom Pangi tidak dapat digunakan untuk kawasan sekitarnya kerana megawatt yang besar itu tidak dapat diturunkan kepada watt yang lebih rendah melainkan dengan perbelanjaan modal yang besar.

Walaupun begitu, masyarakat luar bandar di Sabah tidak diabaikan dengan bekalan letrik. Sebanyak 17 Stesen Luar Bandar diwujudkan termasuklah kampung-kampung Lugud Seberang, Melalap dan Sapong yang berdekatan dengan Tenom Pangi. Projek Minihidro dan Stesen Luar Bandar akan diteruskan menurut kemampuan kewangan Kerajaan.

Pihak Kementerian belum bercadang untuk menambah penajaan kuasa di Tenom Pangi memandangkan bahawa ada cadangan haidro yang lain yang sedang dikaji seperti projek Lembah Sungai Liwagu dan Lembah Sungai Upper Padas. Pertimbangan yang terperinci akan dibuat selepas sempurna kajian-kajian ini.

TANAH RUNTUH DI TEPI JALANRAYA

5. Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Kerjaraya menyatakan tiap-tiap tahun bila hujan sering berlaku tanah runtuh dipinggir jalan-jalanraya, apakah langkah-langkah yang telah diambil bagi mengelakkan kejadian di masa dan musim yang akan datang.

Dato' S. Samy Vellu: Kerajaan sememangnya mengambil langkah lebih awal bagi mengelakkan berlakunya tanah runtuh di tepi-tepi jalanraya. Penyiasatan sentiasa dilakukan ke atas cerun-cerun dan pinggir-pinggir jalan untuk memastikan keadaannya kuat dan stabil dari berlakunya tanah runtuh. Sekiranya didapati mana-mana cerun yang dijangka akan mengalami tanah runtuh, maka Kerajaan akan mengambil langkah membaikinya bagi mengelakkan dari berlakunya tanah runtuh terutamanya di musim hujan. Misalnya jalanraya Timur-Barat, kerja-kerja menguatkan cerun-cerun telah dan sedang dilaksanakan. Begitu juga di jalanraya Kuala Lumpur—Karak kerja-kerja pemulihan untuk menstabilkan cerun-cerun bukit sedang dilakukan dengan cara memotong cerun supaya lebih landai, menanam rumput dan memastikan perparitan di sekitar cerun berfungsi dengan baik.

Sukalah saya nyatakan kepada Ahli Yang Berhormat, kerja-kerja tersebut menelan belanja yang besar, oleh itu adalah sukar bagi Kerajaan untuk

memperbaiki kesemua jalanraya di negara ini. Dengan itu Kerajaan akan melakukan kerja-kerja pemulihan di jalan-jalan yang mana kejadian tanah runtuh berlaku dengan teruknya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di masa akan datang bagi projek-projek baru Kerajaan akan terus mengambil perhatian yang wajar ke atas rekabentuk cerun agar kejadian tanah runtuh tidak berlaku atau dikurangkan.

KAPAL POMEX SAGA— TEMBAKAN TENTERA LAUT AMERIKA

7. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Luar Negeri menerangkan apakah sebenarnya sebab-sebab yang telah mengakibatkan sebuah kapal laut pedagang Malaysia terkena tembakan oleh kapal terbang pejuang Amerika Syarikat di Jepun baru-baru ini:

- (a) apakah motif di sebalik tragedi tersebut;
- (b) berapakah gantirugi telah dibayar oleh Kerajaan Amerika Syarikat kepada syarikat perkapalan tersebut; dan
- (c) apakah langkah-langkah dan jaminan yang akan diambil oleh Kerajaan Malaysia agar perkara tersebut tidak akan berulang lagi dan tidak menjejaskan serta menakutkan perjalanan kapal-kapal negara ini.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Toh Muda Dr Abdullah Fadil bin Che Wan):

- (a) Kapal pedagang Malaysia "Pomex Saga" telah tertembak secara tidak sengaja apabila kapal FA-18 kepunyaan tentera laut Amerika Syarikat yang sedang menjalankan latihan mengebom sebelah malam telah

melepaskan bom MK-76 (non-explosive bomb) yang mengakibatkan kerosakan kapal tersebut serta mencederakan seorang anak kapal.

- (b) Soal ganti rugi akan dibincangkan sebaik sahaja penyiasatan disempurnakan. Kerajaan telah diberitahu penyiasatan sedang dijalankan oleh pihak Amerika Syarikat dan Kerajaan Jepun.
- (c) Kerajaan memandang berat akan kejadian tersebut dan telah memberitahu kepada Kerajaan Amerika Syarikat dan Jepun akan pendirian kita. Kerajaan juga akan memastikan bahawa semua kapal-kapal pedagang kita sentiasa mengawasi agar tidak mendekati perairan yang termasuk di dalam kawasan larangan di mana latihan-latihan ketenteraan sedang dijalankan dan sentiasa mematuhi amaran-amaran tersebut.

PELABUHAN TEMPATAN/ LUAR NEGERI

8. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan jumlah pertanyaan-pertanyaan pelaburan dari luar dan tempatan masing-masing sejak 5 tahun ini, jumlah sebenar pelaburan-pelaburan yang melabur hasil dari pertanyaan-pertanyaan tersebut dan jumlah amaun yang telah melabur oleh pelabur-pelabur luar dan tempatan masing-masing.

Tuan M. G. Pandithan:

- (i) Jumlah pertanyaan sejak 5 tahun ini (1982-86), dari luar negeri ialah 2,966 dan tempatan sejumlah 7,322.
- (ii) Jumlah projek-projek pelaburan yang diluluskan hasil

daripada pertanyaan-pertanyaan tersebut ialah 2,841.

- (iii) Jumlah cadangan modal dipanggil pula ialah \$8,863.7 juta, iaitu \$6,785.2 juta dari dalam negeri dan \$2,078.5 juta daripada luar negeri.

LEBUHRAYA SINDUMIN- BEAUFORT DAN TENOM- KENINGAU

19. Datuk Kadoh Agundong minta Menteri Kerja Raya menjelaskan bilakah Lebuhraya Sindumin-Beaufort dan Tenom-Keningau dapat disiapkan memandangkan pengguna-pengguna jalanraya di kedua-dua daerah tersebut sangat-sangat memerlukan.

Dato' S. Samy Vellu: Kedua-dua jalanraya yang dimaksudkan itu dirancangan untuk dinaikkan taraf dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima. Jumlah anggaran kos bagi kedua-dua projek itu adalah \$57.5 juta, iaitu \$21 juta untuk Jalanraya Sindumin-Beaufort dan \$36.5 juta bagi Jalanraya Tenom-Keningau. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak tahun 1986 Kerajaan telah pun membelanjakan sebanyak \$10 juta ke atas Jalan Tenom-Keningau bagi kerja-kerja mengubah aliran jalan dan kerja-kerja tanah. Bagi Jalanraya Beaufort-Sindumin pula sebanyak \$3 juta telah dibelanjakan setakat ini.

Pada Belanjawan 1988 Kementerian Kerjaraya telah memohon peruntukan untuk meneruskan projek tersebut. Terpulanglah kepada Dewan yang mulia ini untuk meluluskan.

Jika sekiranya peruntukan yang mencukupi disediakan adalah dijangka kedua-dua projek ini akan dapat disiapkan dalam tempoh tiga tahun akan datang.

DASAR KEBUDAYAAN KEBANGSAAN—KAJIAN SEMULA

20. Dr Ting Chew Peh minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan:

- (a) apakah sebab-sebab Kerajaan tidak mengkaji semula Dasar Kebudayaan Nasional meskipun masyarakat bukan Melayu memintanya berbuat demikian; dan
- (b) apakah langkah-langkah positif diambil bagi menyerapkan unsur-unsur kebudayaan bukan Melayu ke dalam Kebudayaan Nasional.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik):

- (a) Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula Dasar Kebudayaan Kebangsaan yang telah ditetapkan sejak beberapa lama itu kerana Dasar itu memang sudah cukup rasional dan digubal dengan mengambil kira konsep kebudayaan yang luas dengan meliputi aspek-aspek kehidupan bangsa dan negara kita. Ketiga-tiga prinsip dasar yang telah ditetapkan itu, telah mengambilkira asas-asas latarbelakang sejarah, geografi, linguistik, cita-cita sosio-ekonomi dan politik negara. Cita-cita kebudayaan kebangsaan adalah bagi mencapai tiga matlamatnya yang utama iaitu mengukuhkan perpaduan bangsa dan negara, memupuk dan memelihara keperibadian kebangsaan dan memperkaya serta mempertingkatkan kualiti kehidupan kemanusiaan dan kerohanian yang seimbang dengan pembangunan sosio-ekonomi. Haruslah diingatkan bahawa persoalan kebudayaan bukanlah persoalan kesenian semata-mata tetapi meliputi

segala bidang yang harus kita perhatikan dalam membina negara. Dasar Kebudayaan Kebangsaan merupakan kesimpulan nilai-nilai imperatif seperti yang terkandung di dalam Perlembagaan Negara.

- (b) Ada banyak cara penyerapan sesuatu unsur kebudayaan boleh berlaku sama ada dari kebudayaan asing atau penyerapan di antara berbagai budaya yang ada di negara kita. Di dalam membina Kebudayaan Kebangsaan persoalannya bukanlah menyerapkan unsur-unsur kebudayaan bukan Melayu sahaja tetapi juga unsur-unsur asing yang sesuai dan wajar termasuk dari aspek nilai dan norma, sains dan teknologi, ilmu pengetahuan dan sebagainya. Di negara kita biasanya ada dua kaedah bagaimana penerimaan unsur-unsur ini terjadi iaitu melalui penerimaan langsung masyarakat dengan terserapnya unsur-unsur budaya melalui galakan dan aktiviti-aktiviti kebudayaan yang dilaksanakan dalam kehidupan seharian masyarakat tanpa mengira penglibatan satu-satu kaum. Penerimaan unsur-unsur pakaian dan perhiasan dari kaum Cina dan India, makan dan minuman dan sebagainya sudah menunjukkan satu perkembangan yang melahirkan unsur-unsur budaya nasional. Contohnya dari segi makanan dan minuman, mee, yong taufoo, toseh, capati, kari adalah unsur-unsur dari budaya kaum yang telah diterima umum dalam kebudayaan kebangsaan. Pakaian dan perhiasan kita juga banyak telah menerima unsur-unsur dari kaum Cina dan India.

Misalnya asas potongan baju kebangsaan, songkok, hiasan kepala, pakaian tarian gamelan yang telah berubah-suai mengikut iklim dan nilai estetika Malaysia.

Kaedah yang kedua adalah melalui penerimaan secara percubaan (experimentation) yang biasanya dilakukan di dalam proses mengubah atau mencipta sesuatu unsur seni. Banyak perubahan telah dibuat oleh Kementerian di dalam ciri-ciri persembahan yang besar mengambil kira unsur-unsur misalnya dari tarian riben unsur-unsur Cina dan India dalam melihat perubahan-perubahan yang boleh menunjukkan keperibadian Kebangsaan Malaysia. Pendeknya kalau Ahli Yang Berhormat mengikut perkembangan ini atau datang menonton atau membiasakan diri dengan kebudayaan, Ahli Yang Berhormat akan sedar dan tahu perubahan-perubahan yang berlaku dalam kebudayaan kerana kebudayaan itu boleh berubah disebabkan sifatnya yang dinamis sama ada secara langsung atau secara tidak langsung dengan kehendak-kehendak masyarakat sendiri.

TAHANAN DI BAWAH ISA

21. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah besar orang awam yang ditahan di bawah ISA bagi tahun-tahun 1974 hingga 1980 dan dari 1980 hingga 1986 dan berapakah jumlah mereka yang dibebaskan dalam tahanan yang sama. Apakah sebab utama mereka ini dibebaskan dan apakah yang terjadi selepas mereka dibebaskan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Dalam tempoh antara tahun 1974 hingga 1980, seramai 1,512 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, dan dalam masa yang sama juga seramai 1,123 orang telah dibebaskan. Manakala untuk tempoh antara tahun 1980 hingga 1986 pula, seramai 177 orang telah ditahan di bawah undang-undang yang sama, sementara bilangan yang dibebaskan adalah seramai 786 orang iaitu termasuk orang-orang yang ditahan sebelum kedua-dua tempoh ini. Untuk makluman Yang Berhormat, mereka ini dibebaskan kerana tidak lagi menjadi ancaman kepada keselamatan negara dan setelah dibebaskan mereka telah kembali ke pangkuan masyarakat.

LAWATAN PERDANA MENTERI KE BRITAIN, HUNGARY DAN RUSSIA

22. Tuan Haji Ibrahim bin Ali minta Menteri Luar Negeri menyatakan sejauh manakah lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ke Negara Britain, Hungary dan Russia baru-baru ini dari segi hubungan dua hala dan peningkatan perdagangan.

Toh Muda Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan: Jawapan bagi soalan ini telah saya sampaikan semasa menjawab soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Tuan Lee Lam Thye pada 12hb Oktober, 1987.

(Soalan No. 23. Sila lihat jawapan No. 5 pada 14-10-87).

LAPANGAN TERBANG BINTULU

24. Datuk Ting Ling Kiew minta Menteri Pengangkutan menyatakan dapatkah pembinaan Lapangan Terbang Bintulu Sarawak dipercepatkan dan jikalau tidak apakah sebabnya; perkara ini penting

memandangkan Bintulu merupakan pusat perindustrian yang cepat membangun.

Menteri Pengangkutan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Kerajaan memang mempunyai rancangan untuk melaksanakan projek pembangunan Lapangan Terbang Baru Bintulu. Walau bagaimanapun projek ini telah ditangguhkan kerana masalah ketiadaan peruntukan. Keperluan projek ini akan dikaji semua apabila keadaan ekonomi pulih.

CUKAI JALAN BAGI MOTOSIKAL

25. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa resit cukai jalan bagi motosikal mudah dicuri dan jika ya, sama ada Kementerian beliau bertujuan untuk mengatasi masalah ini untuk kepentingan penunggang-penunggang motosikal yang mana kebanyakan mereka adalah datang dari golongan berpendapatan rendah.

Dato' Dr Ling Liong Sik: Di bawah Undang-undang iaitu Kaedah 18, Kaedah-kaedah Kereta Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959, setiap lesen kenderaan motor (cukai jalan) perlu dilekatkan (attached) dan dibawa pada kenderaan setiap masa kenderaan itu digunakan di jalanraya. Bagi motosikal, cukai jalan perlu dipamerkan dengan jelas di sebelah kiri motosikal berkenaan di hadapan tempat duduk. Kementerian Pengangkutan sedar bahawa cukai jalan motosikal adalah mudah dicuri kerana ianya terdedah dan mudah ditanggalkan daripada bekasnya (holder).

Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan sedang membuat kajian yang teliti serta menimbang langkah-langkah yang sesuai untuk mengatasi masalah

tersebut. Antaranya ialah membenarkan motosikal menyimpan atau melekat lesen cukai jalan itu mengikut budi bicara pemilik asalkan ia boleh mengemukakan sebaik sahaja diminta oleh pegawai berkenaan.

BUKU PANDUAN TELEFON BAHASA TIONGHUA

26. Dr Eng Seng Chai minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan sebab-sebabnya Buku Panduan Telefon Bahasa Inggeris untuk tahun 1987 baru dikeluarkan pada bulan September 1987. Dan bilakah Buku Panduan Telefon Bahasa Tionghua untuk tahun 1987 dikeluarkan kepada pelanggan. Mengapa dengan pengswastaan penerbitan Buku Panduan Telefon dapatlah lagi kekurangan kecekapan sebegini yang sekarang menambahkan kesulitan orang ramai.

Tuan Abdul Ghani bin Othman: Saya bercadang untuk menjawab soalan ini serentak dengan soalan Yang Berhormat Tuan Teoh Teik Huat pada 2 November 1987 dan soalan Yang Berhormat Tuan Liew Ah Kim pada 25 November 1987 kerana kesemuanya menyentuh mengenai Buku Panduan Telefon dalam Bahasa Tionghua.

Percetakan Buku Panduan Telefon adalah dibuat melalui kontrak. Malangnya kontraktor berkenaan telah gagal mencetak mengikut jadual. Dengan itu Buku Panduan Telefon dalam Bahasa Tionghua hanya akan dapat diedarkan pada akhir bulan Oktober ini.

Pengedaran Buku-buku Panduan Telefon dalam Bahasa Malaysia dan Inggeris sebenarnya dilakukan mengikut kawasan iaitu:

Kawasan Timur (Kelantan, Terengganu dan Pahang) mulai 16 April 1987.

Kawasan Sabah mulai 1 Mei 1987.

Kawasan Sarawak mulai 16 Mei 1987.

Kawasan Utara (Perlis, Kedah, Pulau Pinang dan Perak) mulai 1 Jun 1987.

Kawasan Selatan (Negeri Sembilan, Melaka dan Johor) mulai 16 Jun 1987.

Kawasan Tengah (Selangor dan Wilayah Persekutuan) sepatutnya mulai 1 Julai 1987, tetapi pencetak telah gagal memenuhi syarat yang ditetapkan. Walau bagaimanapun, pengedaran telah dapat dibuat pada 24 Ogos 1987.

RUANG ANGKASA MALAYSIA— PENCEROBOHAN PESAWAT ASING

27. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Pertanian menyatakan benarkah berapa kejadian berlaku mengenai kapal terbang dan kapal lautan dari negeri lain sering memasuki rantau lautan dan Wilayah Udara Malaysia, jika benar, terangkan:

- (a) berapa laporan telah diterima berkenaan dengan kapal terbang dan kapal lautan kita diganggu dan dikacau oleh mereka;
- (b) apakah tindakan Kerajaan akan diambil terhadap kejadian tersebut; dan
- (c) apakah langkah yang berkenaan untuk menjamin kedaulatan wilayah kita tidak diancam.

Menteri Pertahanan (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): Setakat ini tidak ada kejadian pencerobohan pesawat-pesawat asing diruang angkasa negara kita. Apa yang berlaku baru-baru ini ialah kejadian kehadiran pesawat asing yang telah dikenalpasti sebagai pesawat TNI-AL (NOMAD). Kehadiran pesawat ini bukanlah boleh dianggap sebagai satu pencerobohan, kerana ruang angkasa

di Selat Melaka di mana pesawat tersebut telah kelihatan adalah sempit, maka kemunculannya berkeungkinan disebabkan kesilapan panduarah. Kehadiran pesawat ini juga tidak boleh dianggap boleh mengancam keselamatan negara. Kerajaan kita telah pun membawa kejadian tersebut ke pengetahuan pihak berkuasa yang berkenaan dan telah diselesaikan.

Walaupun bagaimanapun Angkatan Tentera Malaysia sentiasa berwaspada terhadap kejadian kemunculan pesawat dan kapal-kapal laut asing yang dianggap boleh mengancam keselamatan negara. Bagi mengatasi perkara tersebut dari berulang lagi TUDM dan TLDM telah pun meningkatkan penerbangan dan pengawasan maritim di kawasan Selat Melaka dan bersiap sedia menghadapi sebarang kemungkinan.

KECENDERUNGAN MENGHASUT

28. Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk menghukum golongan-golongan tertentu kebelakangan ini yang suka menghasut dan mengungkit-ungkit hak-hak keistimewaan satu-satu kaum sedangkan hal ini telah termaktub di dalam Perlembagaan Negara kita termasuk hak-hak kesultanan. Juga kepada mereka yang suka menabur khabar-khabar angin yang boleh menggugat keadaan ekonomi negara, terutamanya pelabur-pelabur luar takut datang ke negara ini dengan adanya ancaman-ancaman yang dinyatakan.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sentiasa mengesan dan selanjutnya akan mengambil tindakan undang-undang yang sewajarnya terhadap orang-orang yang didapati mempunyai

kecenderungan menghasut seperti yang diperuntukkan dalam Akta Hasutan 1948.

Mengenai penyebaran khabar-khabar angin, sukalah saya menyatakan bahawa jika seseorang itu bertindak yang boleh mendatangkan mudarat kepada kehidupan ekonomi negara tindakan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 boleh diambil terhadapnya.

PERLEMBAGAAN—KAJIAN SEMULA

29. Tuan R. Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Kerajaan bercadang memeriksa semula (review) Perlembagaan Persekutuan dengan pandangan pindaan. Jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Oo Gin Sun): Perlembagaan yang ada sekarang adalah mencukupi untuk menjamin keamanan, keselamatan, kestabilan dan kemajuan negara serta kesejahteraan dan perpaduan rakyat. Kerajaan tidak nampak apa-apa keperluan untuk membuat kajian semula Perlembagaan secara menyeluruh.

PERUNTUKAN PROJEK LUAR BANDAR DI SABAH

30. Datuk Kadoh Agundong minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menjelaskan berapakah peruntukan setiap tahun bagi projek-projek luar bandar di Sabah, dan berapakah peruntukan yang sepatutnya diberikan bagi Sabah tahun ini.

Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Tuan Abdul Ghafar bin Baba): Jumlah peruntukan bagi projek-projek luar bandar di bawah kendalian Kementerian Pembangunan

Negara dan Luar Bandar untuk Negeri Sabah adalah seperti berikut:

- | | |
|---------------------------------------|---------------|
| 1. Di bawah Rancangan Malaysia Kelima | \$126,479,971 |
| 2. 1986 (Rancangan Malaysia Kelima) | 33,580,000 |
| 3. 1987 (Rancangan Malaysia Kelima) | 7,870,000 |

PERLEMBAGAAN—KAJIAN SEMULA

31. Tuan P. Patto minta Perdana Menteri menyatakan sebab-sebab Kerajaan enggan menerima cadangan seorang bekas Ketua Hakim Negara (Lord President) bahawa Kerajaan menubuhkan sebuah Jawatankuasa yang dianggotai oleh orang-orang yang pakar dalam Perlembagaan Persekutuan dan juga mereka yang boleh mewakili segala lapisan masyarakat untuk mengkaji semula Perlembagaan Persekutuan; dan sama ada Kerajaan boleh menukar pendiriannya terhadap cadangan tersebut dengan menerima dan melaksanakan cadangan itu demi kepentingan rakyat, negara dan sistem demokrasi berparlimen.

Dato' Oo Gin Sun: Perlembagaan yang ada sekarang adalah mencukupi untuk menjamin keamanan, keselamatan, kestabilan dan kemajuan negara serta kesejahteraan dan perpaduan rakyat. Kerajaan tidak nampak apa-apa keperluan untuk membuat kajian semula Perlembagaan secara menyeluruh.

AKTA PELAJARAN 1961/ KURSUS ELEKTIF UNIVERSITI MALAYA

32. Dr V. David minta Menteri Pendidikan menyatakan adakah beliau sanggup menarik balik Seksyen 21(2) Akta Pelajaran 1961; adakah beliau akan menarik balik keputusan

Universiti Malaya baru-baru ini, yang menafikan hak-hak penuntut-penuntut Cina dan Tamil mengikuti kursus-kursus pilihan (elective courses) bahasa ibunda mereka.

Tuan Woon See Chin: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan sedang mengkaji Akta Pelajaran 1961 secara menyeluruh termasuk Seksyen 21(2). Oleh kerana kajian ini belum selesai lagi, adalah terlalu awal untuk dibuat apa-apa ketetapan mengenainya. Mengenai perkara kedua yang ditimbulkan, Jemaah Menteri, dalam mesyuarat pada 15 Julai, 1987, telah memutuskan supaya keputusan Senat Universiti Malaya mengenai kursus elektif dilaksanakan dan perbincangan mengenai perkara tersebut telah ditangguhkan terlebih dahulu hingga ke satu masa yang sesuai.

USUL

AKTA ACARA KEWANGAN 1957

Aturan Utusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran-butiran baru seperti berikut:

“Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia”; dan “Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut”. (14hb Oktober, 1987)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila teruskan.

3.36 ptg.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Mohamed Farid bin Ariffin): Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kerana memberi peluang untuk menyambung balik dan menggulung perbahasan yang dijalankan pada dua hari yang lepas.

Berhubung dengan keahlian pertubuhan belia yang telah saya sebutkan semalam, Kementerian Belia dan Sukan sentiasa berusaha menggalakkan belia-belia untuk menjadi ahli pertubuhan belia. Dalam usaha meramaikan ahli-ahli pertubuhan belia, Kementerian dan pertubuhan-pertubuhan belia di semua peringkat telah melancarkan kempen untuk meramaikan ahli-ahli di samping mewujudkan pertubuhan-pertubuhan belia yang baru. Mengikut data yang kita ada, pada tahun 1983, seramai 1,285,746 orang menjadi ahli dan pada tahun 1987 telah bertambah kepada 1.7 juta orang. Di sini jelas menunjukkan pertambahan keahlian dalam pertubuhan belia semakin bertambah. Adalah dijangkakan pada tahun 1990 keahlian ini akan bertambah hingga menjadi 2.5 juta orang.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soalan yang berkaitan dengan kumpulan dakwah yang negatif, Kementerian Belia dan Sukan telah mengambil beberapa langkah jangka panjang untuk membina satu masyarakat belia yang beragama, berakhlak mulia, bermoral supaya tidak mudah terjerumus dalam gejala yang kurang sihat. Dalam hal ini satu unit agama telah diwujudkan di Kementerian Belia dan Sukan untuk merancang dan melaksanakan program-program agama bagi memastikan masyarakat belia di negara ini tidak terjerumus ke dalam ajaran agama yang sesat ataupun negatif.

Dari segi perancangan jangka panjang, Kementerian Belia dan Sukan telah mempunyai strategi bersepadu untuk membina satu masyarakat yang mempunyai nilai-nilai yang saya sebut kelmarin, iaitu nilai-nilai kebudayaan yang boleh membawa kepada kejayaan iaitu "success culture" supaya belia-belia boleh dibawa ke arah kesejahteraan di dalam negara kita ini. Satu Dasar Belia Negara telah pun diwujudkan dan diiktirafkan oleh Kerajaan. Segala perancangan pembangunan belia adalah berasaskan kepada matlamat Dasar Belia Negara ini. Di antara strategi-strategi utama ialah seperti berikut:

Untuk memupuk ciri-ciri keperibadian yang sempurna dan belia-belia berpendidikan dalam bidang-bidang yang berikut:

- (a) bidang pendidikan agama dan moral;
- (b) bidang pelajaran formal;
- (c) bidang pendidikan tidak formal;
- (d) bidang pendidikan jasmani; dan
- (e) bidang pendidikan nilai-nilai murni yang boleh membawa kepada ciri-ciri kejayaan.

Untuk membekalkan kemahiran-kemahiran tertentu seperti di dalam bidang teknikal, usahawan dan pertanian. Seterusnya untuk menyediakan taraf kepimpinan yang matang serta penglibatan belia dalam perancangan negara dan untuk meningkatkan usaha perpaduan negara, semangat kebangsaan, kesedaran, kewarganegaraan dan perasaan tanggungjawab kepada pembangunan negara dan untuk melibatkan para belia secara aktif dalam pembangunan negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat dari Bukit Bintang yang telah pun menyokong falsafah penubuhan Tabung Amanah Belia tersebut.

Beliau juga bercakap berkenaan dengan masalah pengangguran di kalangan belia-belia. Kerana kemelesetan ekonomi kita semua sedar sebagai rakyat yang taat setia, rakyat yang sayang kepada negara ini, kita semua termasuk Wakil-wakil Rakyat dalam Dewan yang mulia ini patut dan mesti membantu usaha-usaha pihak-pihak Kerajaan ataupun mana-mana pihak yang lain memulih balik keadaan-keadaan yang boleh membawa kepada pemuliharaan ekonomi, bukan bercampur-aduk bahan-bahan yang boleh meracunkan keadaan pada hari ini ataupun mencampak racun ke dalam air yang keruh seperti yang kita dengar hari ini air di Sungai Kelang yang boleh membunuh serangga dan mungkin manusia. Marilah kita berganding bahu, tidak kira apa parti politik kita untuk membina negara ini bersama-sama untuk zaman yang cemerlang kepada anak-anak muda kita yang masih selembut jagung ataupun selembut rebung itu, bukan sebaliknya. Kita patut menanamkan semangat dan fikiran mereka supaya mereka mempunyai sikap yang positif—bukan sikap anti government, terutama kanak-kanak sekolah yang tidak perlu diheret ke dalam kancah politik keegoan kita.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan skim Belia Niaga Kecil dan Ladang, difahamkan bahawa ianya akan diteruskan walaupun akan dilakukan beberapa adjustment, dengan izin, *mutatis mutandis* untuk kebaikan.

Tuan Yang di-Pertua: *Mutatis mutandis!*

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Maksudnya ialah dengan perubahan-perubahan yang sesuai.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Terima kasih.

Cadangan untuk menggabungkan projek-projek untuk belia di antara Kementerian Belia dan Sukan dengan Kementerian Pembangunan Negara bolehlah dibincang dengan lebih lanjut lagi kerana ini adalah satu cadangan yang baik dan saya menyarankan Yang Berhormat yang berkenaan membawa cadangan ini ke peringkat yang lebih sesuai untuk diperbincangkan secara detail, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya ingin menyambut seruan salah seorang daripada Yang Berhormat yang mengatakan bahawa pihak swasta patutlah mengambil bahagian di dalam menghulurkan bantuan kepada tabung ini, terutama pihak swasta yang kita tahu mempunyai sikap-sikap philanthropist, yang boleh menghulurkan bantuan kepada tabung yang mulia ini. Pihak Kementerian boleh memikirkan jika boleh diberi insentif-insentif tertentu kepada pihak-pihak yang berkenaan ataupun pihak-pihak individu apabila mereka membuat derma ataupun bantuan kepada tabung tersebut, insya Allah.

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan Tabung Amanah Belia ini, ia akan membawa kepada satu usaha yang boleh mengintegrasikan, dengan izin, kaum-kaum di Malaysia yang majmuk ini sekiranya kita bersama-sama dalam Dewan ini ikhlas di dalam menjalankan tugas kita dan ikhlas di dalam teguran-teguran kita supaya kita dapat menjayakan tabung yang murni ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa ada teguran-teguran yang mengatakan bahawa tidak ada galakan belia-belia Cina ataupun Tionghua ataupun India mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti yang telah dijalankan oleh Kementerian.

Saya telahpun menjawab kelmarin dan berkata bahawa pintu tabung ini

akan dibuka kepada semua keturunan dan akan diberi peluang kepada semua yang berminat, tetapi oleh kerana proses-proses natural selection, dan oleh kerana ianya tertumpu kepada kawasan luar bandar, mahu tidak mahu sedikit sebanyak akan terdapat banyak belia-belia bumiputera yang mengambil bahagian di dalam aktiviti-aktiviti Kementerian tersebut.

Ada yang mencadangkan supaya tabung ini ditingkatkan sampai \$100 juta ataupun \$300 juta dan ada yang mengatakan bahawa ini patut dilakukan kerana ekonomi sudahpun meningkat dan makin berkembang. Kerajaan tidak menafikan bahawa pada ketika ini ekonomi sedang berkembang, tetapi eloklah kita berjaga-jaga supaya lembu yang sedang gemuk itu tidak disusui sampai kurus balik. Biarlah kita belajar daripada pengalaman yang lepas supaya kita berjimat dan menentukan bahawa sesuatu itu dapat dijalankan dengan baik dan insya Allah pada masa-masa yang akan datang jika tabung ini mempunyai potensi yang baik dan menunjukkan perkembangan yang menggalakkan, kemungkinan seperti yang saya katakan kelmarin, ia boleh ditimbang semula dan ditambah mengikut keadaan jika perlu.

Tuan Yang di-Pertua, banyak daripada soalan-soalan dan pandangan-pandangan yang telah ditimbulkan kebanyakan bertindih di antara satu sama lain. Saya tidak bertujuan untuk menjawab satu persatu, tetapi memadamkan saya menggulung dengan mengatakan bahawa penubuhan Tabung Amanah yang dikhaskan untuk belia di antara umur 18 tahun ke 30 tahun ini adalah satu usaha Kerajaan yang murni. Walaupun bilangan wang yang telah ditetapkan tidak begitu besar, tetapi marilah kita berdoa agar ia akan mendapat kejayaan, insya Allah.

Mengenai Tabung Rezab Laut dan Tabung Amanah Taman Laut, saya ingin secara kasar dan secara umum menyatakan bahawa Taman Laut ini akan meliputi perairan laut sumber-sumber hidup daripada, dengan izin, low water mark di pulau-pulau terlibat hingga tiga batu ke laut daripada pulau. Bermakna di sini bahagian-bahagian pantai tidak termasuk di dalam difinasi Taman Laut yang disebutkan oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat. Taman Laut adalah di bawah kuasa Kerajaan Pusat, tetapi pulau-pulau yang dikelilingi oleh perairan Taman Laut adalah di bawah kuasa Kerajaan Negeri yang berkenaan. Oleh kerana kita dapati bahawa usaha ini adalah usaha yang baik, maka kita telah mendapat sokongan daripada Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan dan di peringkat Negeri pula akan ditubuhkan satu jawatankuasa pengurusan untuk mengurus dan menyelaras Taman Laut dan Rizab Laut tersebut.

Sebagai makluman Yang Berhormat, sebanyak 22 pulau akan terlibat di dalam projek ini. Di Kedah ada empat: Pulau Payar, Pulau Segantang, Pulau Lembu dan Pulau Kaca. Di Terengganu: Pulau Perhentian Besar, Pulau Perhentian Kecil, Pulau Redang, Pulau Lang Tengah, Pulau Tenggol dan Pulau Kapas. Di Pahang ada lima. Pulau Tioman, Pulau Cebeh, Pulau Tulai, Pulau Sembilang dan Pulau Seri Buat. Di Johor ada tujuh. Pulau Rawa, Pulau Tinggi, Pulau Meninggi Tengah, Pulau Sibul, Pulau Besar dan Pulau Ujung. Semua 22 buah. Mengikut keadaan sekarang perairan sekeliling pulau-pulau tersebut telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan di bawah Akta Perikanan, 1985, sebagai tambahan Taman Laut ini dan faedah-faedah yang akan dapat atau didapati daripada penubuhan Taman Laut ini ialah untuk melindungi tempat-tempat pembiakan ikan dan udang di kawasan-kawasan batu karang. Ini

akan menambahkan lagi hasil pendapatan nelayan. Walau bagaimanapun, dengan pembangunan ini nelayan tetap akan dibenarkan terus menangkap ikan dengan menggunakan pukut tradisi di kawasan-kawasan tertentu.

Pulau-pulau berkenaan adalah di dalam perairan pantai dan oleh sebab itu tidak kena-mengena dengan usaha penangkapan laut dalam.

Objektif penubuhan Tabung Amanah ini adalah seperti berikut dan saya telahpun ulangi dan saya ingin menegaskan bahawa ia adalah untuk memudahkan penyaluran sumbangan daripada berbagai-bagai pihak termasuk pihak swasta, memudahkan juga penyaluran dan pengumpulan hasil daripada penggunaan kemudahan-kemudahan Taman Laut dan mungkin akan membantu dalam usaha kita untuk mempertingkatkan lagi bidang pelancongan di kawasan-kawasan yang tersebut.

Penggunaan Tabung ini akan disalurkan mengikut pembiayaan kos, pengurusan, penyelenggaraan, operasi dan pembangunan. Begitu juga organisasi pengurusan telah disusun dengan mengadakan satu Majlis Penasihat kepada Menteri untuk menggubal dasar dan menyelaraskan di antara Kerajaan Pusat dengan Kerajaan Negeri. Lembaga Tabung Amanah juga akan ditubuhkan yang akan diwakili oleh berbagai-bagai pihak yang akan mentadbirkan Tabung yang telah ditubuhkan ini dan pengurusan Taman Laut ini akan dikendalikan oleh Jabatan Perikanan. Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, Taman Laut ini akan digunakan khusus selepas Tabung ini ditubuhkan untuk menyelidik dari segi pendidikan, perlindungan sumber dan juga untuk rekreasi yang ada kaitan rapat dengan pelancongan.

Dengan ucapan itu, Tuan Yang di-Pertua, saya telahpun mengulung hujjah-hujjah berkenaan dengan

kedua-dua Tabung yang telah diusulkan. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul yang dibuat oleh Timbalan Menteri Kewangan yang berbunyi:

Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual Kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran-butiran baru seperti berikut:

“Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia”; dan “Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut”.

hendaklah diluluskan.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa Dewan ini mengikut Seksyen 10 (4) (a) Akta Acara Kewangan 1957, membuat ketetapan bahawa Jadual kedua Akta tersebut dipinda dengan menambah butiran-butiran baru seperti berikut:

“Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia”; dan “Tabung Amanah Taman Laut dan Rezab Laut”.

USUL

AKTA PERSATUAN PEMBANGUNAN ANTARABANGSA 1960—CARUMAN MALAYSIA

3.55 *ptg.*

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa mengikut Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan

Antarabangsa 1960, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa tambahan caruman Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak AS\$62,500 diluluskan.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan ketetapan ini adalah untuk mendapat kelulusan Dewan Rakyat bagi Malaysia mencarum sebanyak US\$62,500 atau M\$157,875 kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa atau IDA, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua.

IDA adalah satu badan gabungan Bank Dunia yang bertanggungjawab khusus untuk membantu negara-negara ahli yang miskin secara memberi pinjaman di atas syarat-syarat yang lebih longgar dari pinjaman Bank Dunia, Hanya negara-negara yang berpendapatan per kapita kurang daripada US\$990 sahaja yang layak menerima bantuan daripada badan tersebut. IDA membiayai kegiatannya melalui sumbangan dari Bank Dunia, tambahan semula modal dan caruman daripada negara-negara ahli.

Baru-baru ini negara-negara ahli IDA telah bersetuju dengan cadangan tambahan semula modal yang kelapan sebanyak US\$11.5 ribu juta. Ini akan berkuatkuasa mulai dari 1hb Julai, 1987 untuk tempoh selama 3 tahun, iaitu untuk tempoh daripada tahun 1987 hingga 1989. Tambahan modal ini akan membolehkan IDA menambahkan bantuan kewangan kepada negara-negara miskin terutama di Afrika iaitu South Sarahan Afrika dan juga di Asia.

Selain daripada sumbangan tersebut negara-negara ahli juga diminta membuat caruman kepada IDA. Malaysia telah diminta mencarum sebanyak US\$62,500 atau kira-kira M\$157,875 untuk tempoh

3 tahun. Malaysia adalah salah satu daripada 68 buah negara pengasas IDA apabila ianya ditubuhkan dalam tahun 1960. Tambahan pula caruman kita walaupun kecil nilainya akan mencerminkan sokongan berterusan Kerajaan kepada usaha-usaha agensi antarabangsa ini dalam membantu negara-negara miskin. Oleh yang demikian, Tuan Yang di-Pertua, adalah disyorkan supaya Malaysia menambahkan caruman sebanyak US\$62,500 kepada IDA. Dengan ini, jumlah caruman kita di dalam pertubuhan itu akan menjadi US\$3,445,500 atau M\$8,703,333.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Kok Wee Kiat): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-hli Yang Berhormat, masalah sekarang ini terbuka untuk dibahas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul di atas nama Timbalan Menteri Kewangan yang berbunyi:

Bahawa mengikut Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa tambahan caruman Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak AS\$62,500 diluluskan.

hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan,

Bahawa mengikut Seksyen 5 Akta Persatuan Pembangunan Antarabangsa 1960, Dewan ini mengambil ketetapan bahawa

tambahan caruman Malaysia kepada Persatuan Pembangunan Antarabangsa sebanyak AS\$62,500 diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG KUMPULAN WANG AMANAH NEGARA

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

3.58 ptg.

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang bertajuk Kumpulan Wang Amanah Negara dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita telah lama terlalu bergantung kepada barangan utamanya sebagai sumber hasil Kerajaan serta pendapatan eksport bagi mendapatkan tukaran wang asing. Di akhir-akhir ini kita telah mendapati betapa bahayanya jika negara kita terlampau bergantung sangat kepada barangan utama ini, terutama sekali terhadap sumber-sumber asli yang berkurangan dan merosot atau dengan izin, depleting resources, seperti petroleum dan juga timah. Pada tahun 1986 industri petroleum merupakan 9% daripada Keluaran Dalam Negara Kasar dan menyumbangkan sebanyak 15.1% kepada pendapatan eksport negara. Di samping itu ianya juga merupakan sumber hasil utama kepada Kerajaan Persekutuan. Dalam tahun 1986 pula ianya telah pun menyumbangkan sebanyak 29.2% atau \$5,697 juta, lebih kurang \$5.69 billion kepada hasil Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum, barangan-barangan utama Malaysia telah mengalami kemerosotan harga yang teruk pada tahun 1986, di mana

harga petroleum merosot sebanyak 46.2%, timah sebanyak 47.8% dan minyak kelapa sawit mentah sebanyak 44.7%. Dalam keadaan tersebut, hasil Kerajaan daripada duti eksport timah, getah dan kelapa sawit telah jatuh daripada \$134 juta pada tahun 1985 kepada hanya \$19 juta pada tahun 1986. Apabila duti eksport petroleum diambil kira hasil duti eksport Kerajaan merosot daripada \$1,773 juta ataupun \$1.773 bilion pada tahun 1985 kepada \$1,090 juta ataupun \$1.09 bilion pada tahun 1986.

Berasaskan kadar pengeluaran dan simpanan semasa, adalah dijangkakan bahawa simpanan petroleum Malaysia akan pupus pada tahun 2002 dan simpanan timah pula pada tahun 2015. Dengan demikian adalah wajar bagi kita mengagihkan sebahagian daripada hasil sumber asli yang ada hari ini bagi kepentingan generasi kita akan datang. Untuk tujuan tersebut saya dengan ini mencadangkan supaya diwujudkan sebuah tabung yang dinamakan "Kumpulan Wang Amanah Negara". Kumpulan Wang Amanah Negara ini akan disenaraikan di bawah Jadual Kedua Akta Prosedur Kewangan 1957. Kumpulan Wang yang sama telah diwujudkan oleh negara-negara lain seperti Kuwait dan Alberta di Kanada.

Kumpulan Wang Amanah Negara adalah bertujuan untuk menjamin hasil negara terus berada di paras yang tinggi apabila pendapatan negara dari sumber-sumber asli yang berkurangan telah merosot. Ini akan membantu Kerajaan membiayai perbelanjaan dan seterusnya memperkembangkan aktiviti ekonomi di masa hadapan. Sebagai permulaan adalah dicadangkan supaya PETRONAS mencarumkan sebanyak \$100 juta dari keuntungan setiap tahun kepada Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Caruman daripada lain-lain perusahaan yang berasaskan sumber-sumber asli boleh dibuat pada masa-masa yang sesuai kelak.

Ciri-ciri utama Kumpulan Wang Amanah Negara yang dicadangkan adalah seperti berikut:

- (a) Kumpulan Wang Amanah Negara akan diuruskan oleh sebuah Panel Kumpulan Wang Amanah yang terdiri daripada seorang Pengerusi, dua orang pegawai Kerajaan dan dua orang yang mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan atau perniagaan yang dilantik oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan.
- (b) Kegiatan pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara akan dikendalikan oleh Bank Negara Malaysia yang bertanggungjawab kepada Panel Kumpulan Wang Amanah tadi. Dengan demikian adalah tidak perlu mewujudkan satu badan berkanun atau pihak berkuasa yang berasingan bagi mentadbirkan Kumpulan Wang yang saya maksudkan tadi. Lebih-lebih lagi Kumpulan Wang ini akan ditadbirkan oleh Bank Negara Malaysia, satu badan yang mempunyai prestasi yang tinggi. Dengan ini kos mengurus bagi kumpulan Wang Amanah Negara ini akan dikekalkan pada paras yang boleh dikatakan rendah.
- (c) Hanya pelaburan di dalam dan di luar negeri yang mempunyai pulangan yang komersial dan stabil sepertimana diperuntukkan di bawah Seksyen 7 Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara akan dibenarkan. Di antara lain, wang Kumpulan Wang Amanah Negara boleh dilaburkan dalam pinjaman Kerajaan Persekutuan atau Negeri yang menghasilkan pulangan yang baik (a good return), dengan izin.

- (d) Dalam tempoh sepuluh tahun yang pertama sumber kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara tidak boleh digunakan—saya ulangi, dalam tempoh 10 tahun yang pertama sumber kewangan Kumpulan Wang Amanah Negara tidak boleh digunakan kecuali bagi tujuan pelaburan dan bagi menemui kos pentadbiran Kumpulan Wang Amanah Negara sahaja. Tempoh sepuluh tahun ini adalah dipilih bagi membolehkan jumlah simpanan Kumpulan Wang ini dapat dikumpulkan kepada satu tahap yang berpatutan sebelum sumber-sumber dari Kumpulan Wang ini dikeluarkan bagi tujuan-tujuan seperti yang disenaraikan dalam Seksyen 6 Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara.
- (e) Selepas sepuluh tahun yang pertama, sejumlah wang tertentu boleh dipindahkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan dengan kebenaran Yang Berhormat Menteri Kewangan. Di samping itu juga Yang Berhormat Menteri Kewangan boleh membenarkan pemindahan wang Kumpulan Wang ini dalam bentuk pinjaman dan pendahuluan pada kadar faedah yang ringan dan rendah kepada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan Negeri.
- (f) Untuk memastikan "accountability" akaun Kumpulan Wang Amanah Negara akan diaudit oleh Ketua Audit Negara dan satu Penyata Akaun Kumpulan Wang Amanah yang dimaksudkan ini akan dibentang di Parlimen setiap tahun.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Yang di-Pertua, dengan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara ini adalah diharapkan generasi masa depan yang akan mewarisi negara ini daripada kita akan terus mendapat faedah dari sumber-sumber asli yang kian berkurangan di dalam negara kita ini. Kerajaan juga telah mengambil langkah-langkah dan berhati-hati bagi menentukan akauntabiliti ke atas setiap sumber Kumpulan Wang ini kepada Parlimen terutamanya seperti yang diperuntukkan dalam Seksyen 13 Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara. Saya berharap Ahli-ahli Yang Berhormat akan memberi sokongan sepenuhnya kepada Rang Undang-undang ini yang dinamakan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Alias bin Md. Ali): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara yang bersampingan dengannya, dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahaskan. Yang Berhormat dari Bandar Kuching.

4.10 ptg.

Tuan Sim Kwang Yang (Bandar Kuching): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri untuk mengambil bahagian dalam perbahasan ke atas Rang Undang-undang ini iaitu Rang

Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara, 1987 yang mempunyai implikasi bagi jangka panjang paling serius juga.

Nampaknya tujuan serta konsep Rang Undang-undang ini adalah baik kerana ianya merupakan satu alat untuk negara kita menyimpan sebahagian besar dari keuntungan PETRONAS bagi tempoh 10 tahun untuk kegunaan pembangunan sosio ekonomi pada masa hadapan.

Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara ini membolehkan sumbangan sebagaimana yang dibuat oleh mana-mana negeri di Malaysia yang dapat apa-apa bentuk royalti daripada pengeksploitasian petroleum ataupun lain-lain sumber menyusut seperti dari Sarawak dan Terengganu.

Pembentangan Rang Undang-undang ini menunjukkan kesedaran baru pihak Kerajaan bahawa sumber petroleum dan sumber gas asli adalah sumber menyusut, ianya tidak akan terus dieksploitasikan selama-lamanya tanpa diputuskan. Maka hasil Kerajaan Persekutuan serta imbalan pembayaran Malaysia yang paling bergantung sekarang kepada hasil minyak serta gas asli akan menghadapi tekanan hebat dari segi defisit pada satu hari yang mana kita habiskan semua rizab petroleum yang ada dan menjadi sebuah negara 'net importer' minyak.

Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini telah diberitahu pada hari ini sahaja bahawa rizab petroleum, rizab minyak di Malaysia akan dapat dieksploitasikan sehingga sahaja akhir dekad 90an ataupun tahun 2002 sahaja. Walaupun pihak Kerajaan telah mengumumkan bahawa gas asli dapat diadakan bagi banyak tahun, satu sumber menyebut tempoh 100 tahun ke atas kadar pengeksploitasian semasa, tetapi hakikatnya tentang gas asli ialah satu hari akan datang juga di

mana generasi-generasi akan datang tidak dapat menikmati hasil dari gas asli juga oleh kerana ianya merupakan sumber tenaga yang menyusut, 'depleting resource', dengan izin. Maka kesedaran kejadian ini harus memaksa negara kita mengkaji semula strategi mengeksploitasikan sumber minyak dan gas asli. Kita harus memikir dengan lebih rasional bagaimana pengeksploitasian minyak dan gas asli boleh dijalankan dengan pertimbangan faktor 'conservation' sebelum ianya diputuskan. Dengan sebab itu langkah untuk menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara ini supaya menyimpan hasil dari minyak untuk kegunaan masa hadapan adalah sedikit baik, khususnya jika wang itu akan diuntukkan selepas 10 tahun yang ditentukan bagi tujuan membantu negara kita mempelbagaikan ekonomi negara kita agar negara kita tidak bergantung ataupun 'over dependent' kepada sesuatu sumber asli sahaja pada masa hadapan.

Walau bagaimanapun, memandangkan krisis keyakinan yang kian mendesak terhadap accountability awam di negara kita, satu faktor yang tadi pun disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya meragu-ragukan sama ada semangat dan tujuan Rang Undang-undang ini akan ditunaikan oleh pihak Kerajaan yang ada. Rang Undang-undang ini akan membolehkan wang awam berbillion-billion ringgit disimpan dan dikendalikan oleh Panel Kumpulan Wang Amanah yang dicadangkan. Panel ini bertanggungjawab hanya kepada Menteri Kewangan satu orang sahaja. Sememangnya temptation akan wujud untuk sumber wang tunai itu digunakan bagi tujuan menyelamatkan pihak Kerajaan Persekutuan ataupun pihak Kerajaan-kerajaan Negeri ataupun Badan-badan Berkanun ataupun anak-anak

syarikat mereka daripada kerugian besar yang diakibatkan daripada mismanagement ataupun penyalahgunaan kuasa ataupun pecah amanah. Pada masa 5 tahun dahulu PETRONAS sering dianggap dan digunakan sebagai satu "cash cow", dengan izin, untuk projek-projek yang telah gagal kerana mismanagement, penyalahgunaan kuasa, pecah amanah dan perancangan yang kurang waras dan sebagainya. Maka apabila skandal BMF tahun 1983 menimbulkan kerugian besar sebanyak \$2.5 billion, PETRONAS diminta sebagai "cash cow" untuk memberi susunya untuk mengambilalih sebahagian besar syer-syer Bank Bumiputera dengan pelaburan sebanyak lebih kurang \$1 bilion supaya memastikan Bank Bumiputera tidak jatuh sama sekali. Apabila pihak UDA membelanjakan lebih daripada \$400 juta membina bangunan Dayabumi dan selepas sewaan ruang-ruang pejabat di Dayabumi itu menjadi masalah besar, PETRONAS sekali lagi diminta, sekali lagi muncul sebagai saviour dalam menyewa banyak tingkat-tingkat di bangunan mewah itu. Dengan Kumpulan Wang Amanah Negara ini, dengan izin, "cash cow status" hanya dipindah dari PETRONAS kepada Kumpulan Wang Amanah Negara ini yang dicadangkan sahaja, sekurang-kurangnya kemungkinan ini amat wujud. Soalan pokok ialah adakah Rang Undang-undang ini sesuai dan wajar yang mempunyai "checks dan balances" yang terdapat untuk mencegah penyalahgunaan kuasa.

Menurut Fasal 4 (1) Panel Pemegang-pemegang Amanah terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi ialah wakil dari Kementerian Kewangan, seorang pegawai dari Jabatan Perdana Menteri dan 2 orang anggota yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan dan kewangan. Semuanya dilantik oleh pihak Yang Berhormat Menteri Kewangan dan semuanya jawab hanya kepada Yang Berhormat Menteri

Kewangan satu orang sahaja. Panel ini hanya menerima arahan daripada Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk mengendalikan wang awam sebanyak berbillion-billion ringgit di bawah Fasal 9 (1) yang berbunyi seperti berikut:

"9. (1) Menteri boleh memberi kepada Panel apa-apa arahan bersifat am yang tidak tak konsisten dengan peruntukan-peruntukan Akta ini yang ada hubungan dengan perjalanan dan pelaksanaan fungsi-fungsinya dan Panel hendaklah melaksanakan segala arahan itu."

Kuasa yang besar telah diberi kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan satu orang sahaja.

Seperti Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi telah sebutkan juga Panel hanya dikehendaki untuk mengemukakan akaun yang telah diaudit kepada Parlimen setiap tahun di bawah Fasal 11, 12 dan 13 dan peruntukan ini pun tidak berkesan sama sekali sebagai checks yang effective kerana ramai agensi-agensi Kerajaan juga mempunyai peruntukan di bawah Akta-akta berkenaan tetapi gagal sama sekali kerana badan-badan tersebut gagal mengemukakan akaun yang up-to-date, akaun yang relevant kepada Parlimen. Contohnya RISDA, akaun yang diaudit yang terakhir dikemukakan kepada Parlimen ialah bagi tahun 1976 sahaja, akaun untuk 8 tahun belum diaudit ataupun belum dikemukakan kepada Parlimen. Apa matlamat akaun terhadap perjalanan tugas-tugas Lembaga-lembaga berkenaan pun semua out-of-date. Maka peruntukan untuk Panel yang berkenaan mengemukakan akaun diaudit kepada Parlimen kurang mencukupi sebagai satu check yang effective untuk memastikan public accountability.

Di samping itu, Panel ini pun mempunyai kuasa luas untuk mengendalikan wang awam secara astronomical sum, termasuklah

melaburkan wang tersebut di bawah Fasal 7(1) (a) sehingga (i), termasuklah pelaburan sebagai, dengan izin, saya baca dari naskah Rang Undang-undang ini:

- “7. (1) (a) sebagai deposit di mana-mana bank. . . ;
- (b) dalam mana-mana daripada pelaburan-pelaburan yang dibenarkan oleh Akta Pemegang Amanah. . . ;
- (c) dalam sekuriti-sekuriti dengan kadar bunga tetap. . . ;
- (d) dalam suratcara pasaran wang. . . ;
- (e) dalam pinjaman-pinjaman, mengikut terma yang menguntungkan Kumpulan Wang. . . ;
- (f) dalam pinjaman-pinjaman kepada mana-mana pihak berkuasa atau perbadanan awam yang Kerajaan Persekutuan mempunyai. . . . ;
- (g) dalam pendahuluan-pendahuluan bagi maksud membantui pencarigalian dan pemajuan mineral.
- (h) dalam logam-logam berharga. ;

Fasal 7 (1) (i) yang amat penting:

- (i) sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Menteri.”

Iaitu Yang Berhormat Menteri akan diberi satu ‘blank cheque’ untuk mengendalikan wang besar ini bagi apa-apa tujuan sahaja.

Saya ingin mengambil perhatian Dewan ini kepada Fasal 7(1) (i) iaitu

fasal yang memberikan kuasa kepada Panel melaburkan wang berkenaan sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Menteri, tidak ada apa had maksimum pun akan dikenakan kepada pelaburan di bawah 7(1) (i) ini walaupun had maksimum adalah diperuntukkan kepada pelaburan di bawah Fasal 7(1) (e), (f) dan (g) iaitu pelaburan pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan serta agensi-agensi Kerajaan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kata lain pada prinsipnya Panel ini boleh melaburkan semua wang Kumpulan Wang Negara ini dalam syer-syer di KLSE atas arahan Yang Berhormat Menteri Kewangan. Yang Berhormat Menteri Kewangan itu akan melibatkan diri dalam, dengan izin, shares roulette di KLSE, mungkin untuk tujuan menjadikan pasaran saham kukuh secara artificial untuk menarik pelaburan dari negara asing, walaupun prestasi syer-syer yang berkenaan tidak mempunyai kekukuhan tulen untuk nilai yang dibayar.

Di samping itu wang yang berkenaan bersifat, dengan izin, astronomical juga boleh dilaburkan oleh Panel atas arahan Menteri Kewangan dalam syarikat-syarikat swasta yang mana vested interest ahli-ahli politik yang terlibat. Contohnya Fleet Group yang dimiliki oleh UMNO. Sebelum Ahli-ahli Barisan Nasional atau UMNO menyerang saya, menuduh tanpa asas, marilah kita bersama-sama memeriksa (check) rekod prestasi dahulu agensi-agensi Kerajaan di bawah Yang Berhormat Menteri Kewangan, kedua-dua mereka dalam bidang mengawasi dan menggunakan wang awam besar-besaran. Satu ciri yang menandakan regim Yang Berhormat Menteri Kewangan ialah kekurangan akauntabiliti awam. Tidakkah benar bahawa sampai sekarang seorangpun tidak didakwa di mahkamah

berhubung dengan kerugian berjumlah \$2.5 billion dalam skandal BMF. Tidakkah benar Yang Berhormat Menteri Kewangan melibatkan diri dalam peristiwa MAMINCO yang mana wang awam berjumlah beratus-ratus juta ringgit telah dirugikan secara besar-besaran dan sampai sekarang pun tidak ada satu laporan lengkap terhadap kejadian itu. Rakyat Malaysia pun tidak tahu apa sebenarnya terjadi. Tidakkah pihak Panel Pelaburan EPF dengan kebenaran Yang Berhormat Menteri dahulu melaburkan wang awam besar-besaran dalam banyak kaunter yang disenaraikan dalam KLSE termasuklah Grand United Holdings Supreme Corporation dan Pen-El. Ketiga buah syarikat yang telah digantung oleh KLSE dan pelaburan ini melibatkan kerugian yang besar.

Dan dengan sejarah, dengan track record di sini, rakyat jelata Malaysia berhak untuk mempersoalkan tindakan Yang Berhormat Menteri Kewangan sama ada wang berjumlah berbillion ringgit di bawah Kumpulanwang baru ini akan digunakan untuk apa-apa tujuan yang wajar, oleh kerana dalam Akta ini pun tak ada disebut tujuan menubuhkan Kumpulanwang ini dan kekurangan akauntabiliti awam di dalam mengendalikan wang awam besar-besaran selalu timbul oleh kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan memainkan satu peranan yang ambiguous, dengan izin, kerana beliau pun bertugas sebagai Bendahari UMNO dan apabila beliau membuat sesuatu keputusan, memberi kontrak ataupun memberi tawaran kepada mana-mana pihak dalam konteks memberikan perkhidmatan kepada Kerajaan, apabila beliau berbuat demikian, beliau selalu disyaki sudah membuat dosa, conflict of interest.

Saya mahu beri satu contoh sahaja, adakah benar bahawa PETRONAS telah menawarkan projek consultancy

berhubung dengan Peninsular Gas Utilization (Phase 2 PGU) kepada satu konsortium yang terdiri daripada syarikat United Engineers Malaysia (UEM)? Adakah benar bahawa UEM adalah satu anak syarikat kepada Hatibudi, adakah benar Hatibudi satu syarikat yang dipegang oleh UMNO yang diuruskan oleh Trustee UMNO?

Jika demikian, oleh kerana Kementerian Kewangan merupakan maajority shareholder kepada PETRONAS, apabila PETRONAS menawarkan projek itu kepada UEM, apakah pendirian Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri? Adakah keputusannya untuk menawarkan projek ini kepada UEM dipengaruhi oleh kerana beliau pun bertugas sebagai Bendahari UMNO—conflict of interest, kemungkinan sudah wujud. Walaupun PETRONAS boleh memberikan hujah-hujah bahawa keputusan ini rasional, kerana semua optionnya telah diperiksa dengan terperinci. Walaupun demikian, dari segi pemerintahan undang-undang (Rule of Law), conflict of interest telah dilakukan, khususnya satu syarikat lain, Science Crest pun. . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat, duduk dulu!

Tuan Mohamed Farid bin Ariffin: Saya ingin minta penerangan, apakah relevannya hujah Ahli Yang Berhormat tadi dengan tajuk ini, tentang tuduhan, tentang kedudukan Yang Berhormat tadi dengan tajuk ini, tentang tuduhan, tentang kedudukan Yang Berhormat Menteri Kewangan?

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, kerana Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah seorang 'public official', amat penting dalam negara kita iaitu cara dia untuk menjalankan tugasnya menjadi satu perkara public interest juga, cash flow, dengan izin, dan dengan kelulusan Akta ini, cash flow status akan dipindahkan dari PETRONAS kepada

Kumpulanwang yang baru dan akan diluluskan ini. Ini yang DAP harus mempersoalkan dan walaupun Science Crest memberikan satu tawaran yang lebih murah, iapun ditolak dan dengan track record begitu, kita sekarang diminta untuk memberikan kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan di bawah Akta ini satu blank cheque, dengan izin, untuk mengendalikan wang yang besar sebahagian dari keuntungan dari aktiviti PETRONAS untuk tujuan yang tidak jelas dalam Akta ini. Ini menjadi satu perkara yang amat membahayakan 10 tahun dari sekarang dan kalau kita meluluskan Akta ini dengan check and balances, tambahan yang harus dipindah, yang dimasukkan dalam Akta ini. Kalau Dewan ini meluluskan Akta ini, kita akan membahayakan generasi yang akan datang oleh kerana Akta ini membuka pintu kepada penyalahgunaan kuasa yang baru, tidak akan mempunyai checks and balances yang mencukupi dan sesuai. Oleh itu, saya ingin menentang Akta ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Simunjan.

4.30 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon bercakap bersama-sama dengan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain mengenai Rang undang-undang ini iaitu Rang Undang-undang Kumpulanwang Amanah Negara yang dibentangkan di sidang ini pada hari ini dan suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak Menteri Kewangan dan Timbalan Menteri beliau yang akhirnya telah dapat mengemukakan Rang undang-undang ini untuk dibincang di Dewan yang mulia ini.

Memanglah kena pada masa dan ketikanya Rang undang-undang sebegini rupa dibawa kepada rakyat

untuk perhatian mereka untuk dinilai dan dibincangkan, kerana sebagaimana kita sedia maklum pendapatan negara daripada agensi-agensi tertentu, khususnya PETRONAS adalah pendapatan daripada hasil mahsul permukaan dan perut bumi yang di suatu ketika nanti akan pupus. Jadi sekiranya tidak ada tabung ataupun Kumpulanwang Amanah Negara seumpama ini ditubuhkan maka sudah tentulah perancangan yang kita buat untuk menentukan wang itu dibelanjakan tidak akan mencapai matlamatnya.

Apa yang saya maksudkan ialah tiap-tiap negara di dunia ini mempunyai hasrat untuk melabur apa yang diperolehi daripada pendapatannya, hasil daripada pengeluaran minyak dan juga hasil-mahsul perut dan permukaan bumi akan mencapai matlamat supaya dijangka masa yang lebih panjang apa yang diperolehi menguntungkan rakyat dan negara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang kita sedia maklum, Malaysia ialah salah sebuah negara di dunia ini yang terkenal dengan keupayaannya, tuah nasibnya menghasilkan bahan-bahan utama seperti petroleum, kayu balak, gas asli, minyak kelapa sawit, getah asli dan sebagainya. Jadi kita harus menilai sama ada apa yang kita perolehi daripada semuanya ini akan dapat kita gunakan sepanjang masa atau tidak.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita mengumpulkan wang yang kita perolehi daripada hasil ini, ianya haruslah kita jaga dan pihak Kementerian Kewangan setakat ini mendapat satu ilham untuk menubuhkan Kumpulanwang Amanah Negara ini.

Dan saya tidak hendak bercakap panjang mengenai perkara ini, hanya yang saya hendak tegaskan ialah saya

tidak menentang, tidak juga menyokong. Menyokong lebih sedikit daripada menentang. Mengalukan usaha ini. Namun demikian, yang perlu kita ingat ialah apa yang ada nanti hendaklah kita jaga dengan betul, menyedari bahawa ini ialah amanah negara kepada kita, amanah rakyat kepada kita, supaya bukan hanya kita pada masa ini dapat menikmati kemudahan daripadanya tetapi anak-cucu kita, generasi akan datang akan dapat kemudahan, nikmat daripada apa yang kita perolehi di masa ini.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah dari segi accountability atau perakauntabilitian kita harus berjaga-jaga kerana kita harus menjadikan apa yang pernah kita alami di masa lepas sebagai panduan bagi kita sebagai sempadan. Apa yang tidak baik itu "sempadan". Apa yang baik untuk kita ikuti dan contohi. Kerana kita ini pernah mengalami berbagai-bagai masalah kerana penyalahgunaan, penyalah pelaburan, penyalah utilisasian wang yang ada di tangan Kerajaan. Kes BMF misal kata, PETRONAS digunakan sebagai penyelamat sebagaimana dikatakan oleh kawan saya dari Sarawak. Ini kawan sahaja, bukan bermakna saya ini ahli DAP, tidak. Dan beliau pun mengatakan juga beliau kawan orang UMNO juga. Jadi, kawan lain, ahli lain.

Jadi, accountability ini penting. Kita tidak mahu wang itu disalahgunakan hinggan seluruh rakyat menderita, dia menjadi kes yang membawa ketidakstabilan kepada negara dari segi politik, ekonomi dan sosial hinggan walaupun dilaporkan Amerika sekarang misal kata, sudah sedia untuk menghadapi satu lagi recession dalam masa setahun dua. Ertinya, dia sudah mengalami "boom" satu dua atau tiga tahun lepas dan dilaporkan akan menghadapi recession lagi dalam masa setahun dua

tahun. Tetapi Malaysia sekarang masih lagi terumbang ambing.

Yang Berhormat Timbalan Menteri semalam mengatakan bahawa masih lagi beransur-ansur pulih. Jadi kalau sekiranya Amerika sudah sedia menghadapi satu recession lagi dua tahun yang akan datang, maka kalau itu melibatkan negara kita macam mana pula. Adakah kita bersedia untuk terumbang-ambing yang beransur pulih sekarang terus menjunam balik, terpaksa berada dalam keadaan ekonomi yang meleset dan sebagainya?

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya tidaklah hendak menyeleweng daripada apa yang hendak saya ucapkan. Accountability ini penting. Cukup apa yang pernah kita alami, apa yang pernah kita rasai. Kes-kes yang timbulkan selama ini menjadi panduan, sempadan, ajaran bagi kita, bagi pemimpin-pemimpin kita di negara kita ini. Cukuplah termasuk juga perkelahian keluarga misal kata menyebabkan ketidak-stabilan negeri Sarawak misal kata, contohnya.

Tuan Yang di-Pertua, ini cukup. Jadi, saya memberi pandangan ini supaya semuanya ini menjadi panduan dan supaya dalam kita menubuhkan Kumpulanwang Amanah Negara ini semuanya ini kita ambil kira dan wang itu hendaklah kita jaga dengan betul.

Fasal 4 (1) Panel Kumpulan Amanah Negara. "Panel" dalam Bahasa Malaysiannya, in English, dengan izin, "Panel" terdiri daripada seorang Pengerusi, seorang Timbalan Pengerusi, seorang pegawai dari Jabatan Perdana Menteri, dua orang anggota yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan ataupun kewangan dan sebagainya.

Jadi, ini perlu kita kaji semula sama ada ianya, dengan izin, representative of the group which are supposed to have interest in this Kumpulan Wang

Amanah Negara. Ini Bahasa Malaysialah campur aduk sedikit. Ini perlu kita kaji, takut nanti hanya sekumpulan manusia sahaja yang bertanggungjawab dan berulang lagilah apa yang pernah berlaku. Hinggakan penyalahgunaan wang rakyat jelata, wang negara terus berlaku lagi.

Dan saya ulangi lagi mengenai kuasa ini, kerana selalunya Akta ini menyebut Menteri. Menteri berkuasa walaupun kalau kita lihat dari segi konsep Kementerian kalau dikatakan Menteri bukan Menteri sahaja. Menteri ini nama sahaja Menteri tetapi yang mengambil bahagian dalam keputusan yang dibuat, bukan hanya seorang Menteri tetapi Timbalan-timbalan Menteri, pegawai-pegawai tinggi Kerajaan dalam Kementerian itu, malah Ahli-ahli Kabinet pun termasuk Perdana Menteri mengambil bahagian dan keputusan yang dibuat kalau ianya keputusan yang amat penting. Namun demikian, saya memberi sedikit ingatan supaya kuasa ini janganlah dibolot oleh seorang hamba Allah Menteri, berasaskan kepada Akta ini dan hendaklah diserahkan ke tangan golongan-golongan tertentu supaya ianya dapat memberi keadilan yang sebenar kepada pelaksanaan pentadbiran tabung yang ditubuhkan ini.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi tujuan juga walaupun skrip ataupun Rang Undang-undang ini nampaknya tebal, penuh dengan ayat-ayat, fasal-fasal dan sebagainya, namun tujuan itu kalau dapat dijelaskan dengan sejelas-jelasnya kerana nampaknya tidak ada tujuan yang konkrit ditubuhkan ini walaupun dalam fasal tertentu disebutkan tetapi harus dimasukkan tujuan supaya ianya jangan samar-samar dan supaya dengan term of reference, dengan izin, yang jelas dapat dijadikan panduan oleh pihak yang melaksanakan tugas ini nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan komen yang telah saya sebutkan itu, dengan pandangan dan dengan harapan itu, maka saya menyokong Rang Undang-undang ini sedikit. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang.

4.41 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Bukit Bintang): Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara 1987 yang telah dibentangkan tadi. Cadangan Kerajaan untuk menubuhkan sebuah Kumpulan Wang Amanah Negara menerusi pembentangannya dalam satu Rang Undang-undang Parlimen, pada pendapat saya adalah satu perkara yang seharusnya dibahaskan secara menyeluruh, secara mendalam kerana ia mempunyai implikasi yang sangat luas dan yang sangat serius, tidak sahaja bagi pembangunan masa depan negara, tetapi juga dalam menentukan punca tenaga gantian untuk keperluan negara kita.

Saya berpendapat bahawa adalah amat penting bagi Kerajaan untuk menerangkan dan meyakinkan rakyat mengapa perlu ditubuhkan sebuah Kumpulan Wang Amanah Negara dan untuk maksud apa. Itu ialah satu perkara yang saya anggap sangat begitu penting. Saya berasa syak wasangka rakyat dapat diyakinkan tentang keperluan mengadakan Kumpulan Wang Amanah Negara ini kerana rekod Kerajaan yang sehingga hari ini tidak mempunyai cukup keyakinan daripada orang ramai mengenai masalah tentang akauntabiliti tanggungjawabnya sepertimana yang tadi telah disentuh oleh sahabat saya, Wakil dari Bandar Kuching.

Cadangan Kumpulan Wang Amanah Negara ialah untuk memelihara hasil minyak negara dari kehabisan. Satu perkara yang telah juga dimaklumkan dua tahun yang lalu oleh bekas Menteri yang berkenaan dan sekarang dibentangkan di Parlimen. Saya perlu menegaskan di sini bahawa cadangan Kumpulan Wang Amanah Negara tidak boleh dibuat hanya menjadi satu Kumpulan Wang yang lain bagi tujuan pembangunan atau hanya untuk memberikan pinjaman atau pendahuluan menurut syarat-syarat tertentu kepada Kerajaan Persekutuan ataupun kepada Kerajaan mana-mana negeri dalam Malaysia. Akan tetapi, inilah gambaran yang kami dapat apabila kami melihat Fasal 6 Rang Undang-undang ini yang menyebut dan saya ingin memetik di sini bahawa:

“Wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang boleh, selepas tamatnya tempoh sepuluh tahun dari tarikh mula berkuatkuasanya Akta ini, dan dengan terlebih dahulu mendapat kelulusan daripada Menteri, digunakan bagi maksud-maksud berikut:

- (a) mana-mana daripada maksud-maksud Kumpulan Wang Pembangunan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama kepada Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966; dan
- (b) pemberian pinjaman atau pendahuluan mengikut terma-terma konsesi kepada Kerajaan Persekutuan atau kepada Kerajaan mana-mana Negeri di Malaysia.”

Itu ialah gambaran yang kami dapat memahami dalam Fasal 6 Rang Undang-undang ini. Adalah menjadi pandangan saya, Tuan Yang di-Pertua, bahawa jika sebuah Kumpulan Wang Amanah Negara hendak ditubuhkan, ia mestilah tidak lari

daripada objektif pentingnya iaitu untuk memelihara hasil negara daripada sumber-sumber semula jadi negara yang semakin berkurangan. Minyak dan kayu balak yang merupakan punca hasil bagi Malaysia adalah sumber alam negara yang semakin berkurangan. Tanah juga merupakan satu lagi sumber yang semakin berkurangan. Maka memandangkan di atas adalah menjadi pandangan saya bahawa Kumpulan Wang Amanah Negara apabila ditubuhkan hendaklah dipergunakan sepenuhnya untuk mengkaji perkara-perkara yang berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan bagi maksud membangunkan punca gantian sebagai menggantikan apa yang telah kehabisan.

Sebagai contoh, apa yang patut kita lakukan ialah mempergunakan cadangan Kumpulan Wang Amanah Negara ini untuk membangunkan satu punca tenaga gantian bagi keperluan masa depan negara kita. Ini amatlah penting dengan mengambil kira bahawa sumbangan kepada Kumpulan Wang Amanah Negara ini sebahagian besarnya datang dari Petroliam Nasional Berhad dan hakikat bahawa minyak ialah satu sumber yang semakin berkurangan dalam negara kita. Aspek ini mestilah diberikan keutamaan yang tinggi dalam penggunaan kumpulan wang dari Kumpulan Wang Amanah Negara dan tidak hanya bagi maksud pembangunan atau pemberian pinjaman atau pendahuluan mengikut terma-terma konsesi kepada Kerajaan Persekutuan ataupun Kerajaan-kerajaan Negeri.

Berhubung dengan perkara kayu balak yang merupakan satu lagi sumber negara yang semakin berkurangan, Kumpulan Wang Amanah Negara bolehlah juga membantu dalam kerja-kerja membangunkan semula perhutanan negara. Saya mesti menegaskan di sini

bahawa bukanlah menjadi maksud saya untuk menentang penggunaan wang dari Kumpulan Wang Amanah Negara ini bagi tujuan pembangunan, tetapi saya berpendapat dan saya meyakinkan bahawa kita mestilah mempunyai keutamaan yang betul, mempunyai perspektif yang betul untuk diambil kira dalam menimbangkan objektif-objektif Kumpulan Wang Amanah Negara yang dibincangkan oleh Parlimen pada petang ini.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya juga ingin menyentuh dalam perbahasan saya ialah saya ingin merujuk kepada perkara pelaburan wang dalam Kumpulan Wang Amanah Negara. Saya dapati bahawa wang yang ada dalam kredit Kumpulan Wang Amanah Negara boleh dilaburkan menurut Fasal 7 (1) mulai (a) ke (i). Apa yang amat menarik perhatian saya ialah Fasal 7 (1) (i) yang menyatakan bahawa wang ini boleh dilaburkan sebagaimana yang dibenarkan selainnya oleh Yang Berhormat Menteri.

Saya menyokong pendapat yang telah disuarakan oleh Wakil dari Bandar Kuching mengenai aspek ini oleh kerana saya berpendapat bahawa dengan adanya peruntukan Fasal 7 (1) (i) ini akan memberikan kuasa dan budi-bicara yang terlalu luas kepada Menteri Kewangan yang boleh disalahgunakan. Jadi kita melihat beberapa kepincangan yang berlaku pada masa yang lepas, sebagai satu contoh, misalnya Panel Pelaburan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang telah melaburkan wang caruman dalam stok-stok tanpa jaminan sebagaimana yang diberi kuasa oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan. Maka apakah jaminan yang ada yang boleh menyatakan bahawa Panel Pelaburan Kumpulan Wang Amanah Negara ini tidak akan melakukan kesalahan yang serupa *sebagaimana yang dibenarkan oleh Menteri yang berkenaan.*

Fasal 7 (1) (i) boleh dilaksanakan untuk menyelamatkan beberapa institusi yang menghadapi masalah kewangan seperti yang dibenarkan oleh Menteri berkenaan dan kesalahan-kesalahan ini telahpun berlaku pada masa yang lalu. Apakah jaminan yang ada supaya kesalahan-kesalahan ini tidak akan berlaku lagi jika Menteri berkenaan mempunyai kuasa yang begitu luas seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal 7 (1) (i) ini? Peruntukan seumpama ini tidak boleh diterima langsung dan saya mencadangkan supaya Fasal 7 (1) (i) ini hendaklah dibatalkan.

Akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk kepada Fasal 4 (2) yang mengandungi Panel Kumpulan Wang Amanah Negara tentang komposisinya. Kedudukan jawatan Pengerusi bagi Panel ini pada anggapan saya tidak begitu jelas. Siapakah yang layak untuk memegang jawatan Pengerusi, adakah ini kelak beliau adalah seorang kakitangan Kerajaan atau seorang dari pesara Kerajaan atau seorang daripada sektor swasta atau beliau daripada anggota kehakiman? Pada pandangan saya orang yang sesuai bagi jawatan ini ialah seorang Hakim Mahkamah Tinggi. Orang-orang lain yang sepatutnya dipertimbangkan hendaklah mengandungi bekas Ketua Hakim Negara, Tun Suffian atau bekas Ketua Audit Negara, Tan Sri Ahmad bin Noordin. Saya mesti menegaskan di sini, Tuan Yang di-Pertua, bahawa hanya orang-orang yang mempunyai integriti yang tinggi sahaja dilantik menjadi Pengerusi Panel Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Ini ialah kerana Kumpulan Wang Amanah Negara mestilah dikendalikan dalam cara yang mana rakyat sedia meletakkan kepercayaan ke atasnya. Operasinya mestilah tidak menimbulkan apa-apa keraguan atau syak wasangka dan apa yang lebih penting ialah tidak ada pecah amanah atau salahguna dalam Kumpulan

Wang ini. Inilah unsur-unsur penting bagi kejayaan Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Maka inilah merupakan pandangan saya terhadap Rang Undang-undang ini. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas.

4.53 ptg.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membahas dan memberi pandangan terhadap satu cadangan Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, pandangan saya ini merupakan pandangan profesional dan tidak pandangan politik ataupun berhujah politik. Oleh itu, Tuan Yang di-Pertua, cadangan terhadap menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara ini, saya mengirakan satu cadangan ataupun niat yang baik, bukan sahaja kita mengalu-alukan cadangan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara ini.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, point of order.

Tuan Lim Guan Eng: Kuorum tidak cukup.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Setiausaha, cuba bilang. Bunyikan loceng.

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 Ahli hadir).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Ada 29 orang. Kuorum cukup. Teruskan Yang Berhormat dari Pasir Mas.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengatakan cadangan menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara ini, satu langkah yang baik, satu langkah berpandangan jauh kerana sudah barang tentu bahawa Kumpulan Wang Amanah Negara ini adalah untuk kepentingan negara pada masa akan datang. Kita sedar bahawa walaupun negara kita mempunyai kekayaan dengan berbagai sumber, termasuk minyak dan lain-lain tetapi kalau kita tidak berhati-hati, segala sumber-sumber ini akan pupus pada satu masa akan datang. Maka sebab itulah segala hasil mahsul daripada kegiatan-kegiatan ekonomi, termasuklah sumber minyak yang dikendalikan oleh PETRONAS, segala wang yang diperolehi, keuntungan dan sebagainya itu wajar dan tepat sekiranya dimasukkan di bawah Kumpulan Wang Amanah Negara. Walau bagaimanapun timbul banyak keraguan kepada Kumpulan Wang Amanah Negara ini di atas asas dari segi akauntabilitinya dalam pengurusan di waktu Kumpulan Wang Amanah Negara ini digerakkan nanti.

Kita telah dengar beberapa pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah menyuarakan pandangan-pandangan itu dan saya dalam beberapa perkara bersetuju di atas prinsip pentingnya Kumpulan Wang Amanah Negara ini ditadbirkan dengan sebaik-baiknya. Saya tidak bercadang untuk mengungkit-ungkit perkara-perkara yang lalu. Tetapi perkara-perkara yang sudah berlaku, terutamanya terhadap beberapa agensi ataupun pengurusan-pengurusan kewangan yang lalu, sememangnya telah menarik perhatian berbagai pihak, kritikan-kritikan yang tidak boleh kita mengenyepikan dengan begitu sahaja. Akan tetapi kita terima hakikat bahawa mungkin ada kelemahan-kelemahan itu bukan kerana kesalahan-kesalahan penyelewengan yang disengajakan

sebahagiannya, tetapi mungkin oleh kerana dari segi dalam konteks keputusan-keputusan economic viability ataupun timbulnya pandangan-pandangan jangka pendek dengan tidak mengambil kira pandangan-pandangan jangka panjang.

Maka sebab itulah timbulnya kelemahan-kelemahan yang kita lihat terjadi terhadap beberapa institusi yang pernah dibahs di dalam Dewan yang mulia ini tempoh hari.

Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang: (*Bangun*) Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, ada yang hendak minta penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tidak payahlah. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak benarkan oleh sebab saya tidak bercadang untuk memberi peluang bagi mereka menanggung di air yang keruh di waktu kita memberi pandangan-pandngan yang baik kepada pihak Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, apabila saya menyebut tentang akauntabiliti Kumpulan Wang Amanah Negara ini, kita dapat cadangan-cadangan, terutamanya dalam Fasal 4 (1) bersabit dengan penal yang bertanggungjawab kepada Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Saya bersetuju dengan satu, dua pendapat yang mengatakan bahawa kedudukan penal ini tidaklah begitu kemas. Kemas dalam erti kata perlantikan seseorang Pengerusi an juga dari segi bentuk komposisinya itu, apakah ianya nanti dapat memberi jaminan bahawasanya Kumpulan Wang Amanah Negara ini nanti benar-benar diyakini oleh seluruh masyarakat kita dari segi akauntabilitinya, bukan sahaja dari segi amanah, dari segi membuat keputusan jangka pendek dan jangka

panjang kerana sehubungan dengan kedudukan penal ini telah diberi kuasa begitu luas di bawah Fasal 7 (1) bersabit dengan pelaburan yang akan dibuat nanti. Ianya bukan sahaja pelaburan dalam negeri, luar negeri, dalam bidang sekuriti dan sebagainya dan sudah barang tentu ianya melibatkan wang yang terlalu banyak.

Maka dengan sebab itu, bersabit dengan perlantikan penal ini, saya menyokong penuh di atas sebarang pandangan supaya seorang Pengerusi wajarlah dilantik di kalangan bukan sahaja mereka yang berpendidikan tinggi, berwibawa, tetapi mempunyai social status yang sudah diakui keamanahannya, yang sudah diakui kejujurannya di samping latar belakang seorang ahli ekonomi yang baik.

Saya membuat cadangan ini, bukanlah cadangan politik. Sebab itu kita tidak hubung-kaitkan, sama ada ianya seorang Hakim, ianya seorang bekas Hakim Negara, ianya boleh sesiapa sahaja termasuk salah seorang calon yang boleh kita timbangkan seperti Profesor Diraja Engku Abdul Aziz. Salah seorang tokoh akademik, salah seorang tokoh ekonomi, salah seorang pengkritik masyarakat, salah seorang yang sudahpun banyak memberi sumbangan kepada negara, seperti gagasan penubuhan Tabung Haji satu ketika dahulu, dan juga pada masa yang sama memberi kritikan-kritikan, pandangan-pandangan yang membina kepada masyarakat dan negara. Kita boleh menimbangkan sesiapa sahaja mengendalikn penal ini termasuk ahli-ahli jawatankuasa lain yang kita harap mempunyai kewibaaan dan amanah seprti yang saya sebutkan tadi. Begitu juga dua orang yang diuntukkan bagi orang yang berpengalaman dalam perniagaan atau kewangan. Ini juga harus berhati-hati, lebih-lebih lagi wakil daripada kalangan ahli perniagaan. Sebab, selagi mana kita ini seorang ahli

perniagaan, selagi mana ianya itu ada peluang, ada caranya, dari segi itulah timbulnya 'temptation' untuk menggunakan di mana sahaja kedudukan bagi mencari faedah dari segi perniagaan masing-masing. Maka sebab itulah penal ini bukan sahaja harus dilihat kembali dari segi susunannya, bukan sahaja dari segi jumlahnya, dari segi mereka yang dilantik, malah juga apakah panel ini bertanggungjawab kepada Kementerian Kewangan semata-mata.

Saya mengusulkan supaya penal ini bertanggungjawab terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya mengusulkan cadangan ini kerana kita bimbang Kumpulan Wang Amanah Negara ini nanti, penal-penal yang bertanggungjawab mengendalikannya nanti, bukan sahaja akan membuat pelaburan tetapi jika timbul masalah-masalah yang sengaja atau tidak disengaja sebagaimana contoh, maka yang dibebankan nanti ialah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Sebab itu saya kira perlantikan seorang Pengerusi terutamanya, harus dibuat secara langsung oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana ianya satu bentuk Kumpulan Wang Amanah Negara yang begitu besar erti dan maknanya.

Tuan Yang di-Pertua, bersabit dengan Kumpulan Wang Amanah Negara ini juga, ialah dalam bidang-bidang pelaburan, sampai kepada pelaburan di luar negeri. Sudah barang tentu kita hendak melabur bukan sahaja dalam negeri, juga di luar negeri jika ianya memberi faedah yang besar, sebab itu juga diutamakan di sini sampai kepada pelaburan dalam bidang-bidang sekuriti. Tetapi bidang-bidang ini, Tuan Yang di-Pertua, untung-rugi sentiasa berlaku dalam pasaran sekuriti.

Kita tidak boleh memberi jaminan bahawa pelaburan itu akan menguntungkan. Hari ini Panel

membuat keputusan bahawasanya kalau kita melabur kita mendapat sekian peratus, tetapi dalam masa dua, tiga tahun akan datang kita tidak jangka kerana gempa bumi, kerana gunung berapi, kerana cerita-cerita Perang Dunia Ketiga ataupun heboh dengan cerita-cerita Pembangkang kalau ada nanti ianya boleh memberi suasana pasaran sekuriti yang tidak sihat, maka yang menjadi sasaran nanti ialah Kumpulan Wang Amanah Negara iaitu wang rakyat ini. Maka sebab itulah panel ini dalam konteks membuat pelaburan ianya sesuatu yang begitu besar, besar kerana ianya—saya menekankan di sini sekali lagi, memberi kesan yang bukan sahaja besar, tetapi ia boleh menimbulkan berbagai-bagai tohmahan kemudian kelak. Maka sebab itulah saya mengusulkan tadi orang-orang yang dilantik hendaklah di kalangan orang-orang yang berwibawa dan *modus operandinya* nanti hendaklah sebenar-benarnya kemas, sesungguhnya itu dan ianya dikawal dengan sebegitu rupa sebab kita tak mahu lagi dengar kritik-kritik, sebab ada golongan-golongan tertentu ianya hanya menanti, mencari kelemahan, lebih-lebih lagi dalam konteks kepentingan politik di mana dia boleh serang, dia serang sahaja. Jadi, kita pemerintah ini kalau boleh bila kita mentadbir, kita tadbir betul-betul, jangan beri ruang sedikit pun untuk mereka ini menembusi dinding-dinding kita. Ini cadangan kita sebab kalau tidak ianya menimbulkan keadaan yang serba salah.

Kita tahu bahawa satu golongan ianya kritik semata-mata kritik, ianya seronok kalau ia ada isu, ianya seronok kalau berlaku kelemahan, sekurang-kurangnya mereka boleh bercakap, mereka boleh membuat usul, mereka boleh berhimpun, mereka boleh membuat tuntutan, mereka boleh buat macam-macam. Tetapi bagi kita pula apakah kita mahu memberi ruang kepada mereka

ini. Apabila mereka kritik, kita merasa serba salah. Jadi, dengan cara untuk tidak memberi ruang kepada mereka ini, saya menibai balik ataupun menimbulkan keraguan-keraguan, kita mesti memastikan bahawa Kumpulan Wang Amanah Negara ini mempunyai suatu bentuk *modus operandi* yang sesungguhnya benar-benar profesional yang sesungguhnya benar-benar berasaskan kepada prinsip-prinsip yang termaktub bukan sahaja dalam konteks prinsip pengurusan yang baik, tetapi Kumpulan Wang Amanah Negara ini apabila ianya dibentuk, wang yang ada dalam kumpulan wang ini jika rakyat tahu, rakyat dapat tidur lena, kita Ahli-ahli Parlimen ini tidak berasa ragu dan was-was lagi untuk datang bertengkar dengan Ahli-ahli Pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan-cadangan ini saya katakan tadi dalam permulaan perbahasan saya ialah di atas cadangan yang benar-benar ikhlas dan profesional kerana ianya adalah kepentingan negara, kepentingan rakyat, kepentingan rakyat juga adalah kepentingan negara. Ke situlah akhirnya, ke situlah matlamat dan inilah bumi kita yang kita ada, inilah bumi kita satu-satunya yang kita ada. Sebab itu bukan sahaja apabila kita menyerah mandat dan amanah supaya setiap perkara kita lakukan dengan baik kita jalankan dengan baik, kita juga tidak senang kalau ada golongan-golongan yang mengungkit perkara-perkara yang boleh menimbulkan sensitif kepada pihak-pihak yang lain. Kita melihat dalam keadaan yang penuh perimbangan dengan mengambil kira semua pandangan, tetapi dalam hubungan itu kita penuh yakin bahawa Kerajaan akan mentadbirkan Kumpulan Wang Amanah Negara ini dengan sebaik mungkin. Kita tidak ragu-ragu lagi di atas keupayaan pihak Kerajaan untuk mengendalikannya, lebih-lebih lagi jika ianya ditadbirkan sebagaimana

pandangan-pandangan yang telah dikemukakan sebentar tadi.

Itulah sahaja, Tuan Yang di-Pertua, walaupun ringkas tetapi pandangan-pandangan itu memberi suatu gambaran mewakili generasi muda, mewakili golongan-golongan yang ingin melihat bahawa kedudukan negara kita, pengurusan kewangan negara kita bukan sahaja baik, tetapi mendapat pujian, pujian oleh masyarakat kita dan juga kalau boleh oleh seluruh dunia. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

5.16 ptg.

Dr Eng Seng Chai (Petaling Jaya): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun memberi sepatah dua berkenaan dengan Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara.

Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan dengan perkataan-perkataan yang cantik menghiaskan cadangannya, Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Tujuan Kumpulan Wang Amanah Negara ini memang baik, tetapi sebagai banyak-banyak tabung wang yang telah diwujudkan oleh Kerajaan Barisan Nasional pada masa dahulu bolehlah semua tujuan ini tidak dapat dicapai pada akhirnya dan saya sama-sama orang yang saya mewakili khuatir inilah satu tabung wang yang akan mengikut "course" yang sama.

Sudahlah perkataan "amanah" digunakan sebanyak kali dan juga pada semalam dan hari ini kita pun sudah berbahas Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia dan Tabung Taman Laut dan Rezab Laut.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempergunakan Mesyuarat*)

Saya diberitahu, saya difahamkan dalam Dewan yang mulia ini sudah berpuluh-puluh tabung amanah dibahas dan ditubuhkan juga, tetapi sebahagian besar mereka tidak dapat mencapai matlamat yang mereka diwujudkan sebagai Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Bukankah Bank Bumiputera Malaysia Berhad ditubuhkan sebagai satu tabung amanah untuk orang bumiputera? Bukankah Mara, M-A-R-A (Majlis Amanah Rakyat), bukankah itu satu tabung amanah juga untuk orang bumiputera? Tetapi setakat hari ini kita diberitahu adalah satu skandal raksaksa, satu skandal kewangan raksaksa yang melibatkan Bank Bumiputra Malaysia Berhad, yang melibatkan satu jumlah \$2,500 juta wang rakyat, wang amanah, wang yang disalurkan daripada kuasa-kuasa yang diberi oleh Parlimen kita kepada orang yang jaga Bank Bumiputra Malaysia Berhad. Tetapi apa sudah jadi? Bukan sahaja kita sudah hilangkan wang amanah rakyat \$2,500 juta di Hong Kong, di Singapura, di United Kingdom, di Malaysia atau di Baharin, tetapi ia perlu lagi satu tabung wang amanah sebagai satu perbadanan PETRONAS yang diseru menyelamatkan BMF dan Bank Bumiputra.

Mengalihkan kepada MARA, MARA diwujudkan dengan tujuan objektif yang baik untuk tolong orang bumiputera berniaga, untuk tubuhkan apa-apa usaha yang akan memberi kepentingan dan keuntungan kepada orang bumiputera pada masa yang akan datang. Kebanyakan pinjaman-pinjaman (loan) yang telah diberi kepada orang—barangkali yang layak pada mulanya dan juga ada diberi kepada orang yang tidak berlayak juga dan ada satu ketika sesiapa pun boleh pinjam, sesiapa orang bumiputera boleh pinjam daripada MARA tanpa apa-apa gadaian tanah atau harta lain sebanyak \$25,000 setiap orang.

Saya ada kenal seorang guru yang pinjam atas nama dia dan atas nama saudara dia sebanyak \$50,000. Dia seorang guru. Wang itu dia kata hendak bagi bela ayam, (poultry farm), tetapi sampai hari ini wang sudah hilang, beli dua buah kereta yang baru, kereta Alfa Romeo, rumah pun buat baru, poultry farm pun tak ada dan hari ini pinjaman pun tak dapat dipulangkan.

Bukan kes ini sahaja. Dalam suratkhobar Menteri-menteri pun mengakui ada banyak kes sebagai ini dan bukan ini sahaja. Ada juga kes-kes nelayan yang pinjam wang untuk beli perahu baru, untuk beli enjin baru, tetapi akhirnya perahu tidak ada, enjin tidak ada, jaring pun tidak ada, ikan pun tidak ada, wang pun tidak ada. \$80,000, di Sungai Besar ada satu kes.

Semalam kita ada berbahas panjang lebar atas tujuan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia. Kumpulan Wang Amanah ini pun bertujuan baik, tetapi pada mulanya kita hendak tanya diri kita, orang yang kita akan tolong mengapa hari ini perlukan pertolongan? Sebab dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang pada mulanya memberi pendidikan mereka di Institut ITM, di Institut-institut Vokasional, di universiti-universiti kita, pada mulanya kursus-kursus atau latihan-latihan yang diberi tidak sesuai, wang sudah dibelanjakan, sekarang mereka sudah keluar, sudah lulus, tidak dapat kerja, kita wujudkan lagi satu Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Ekonomi Belia untuk tolong mereka.

Sama juga banyak tabungan wang sudah dapat kelulusan dalam Parlimen kita dan wang itu sudah disalurkan dan dibelanjakan tetapi tidak dapat memberi hasil kepada orang ramai. MAMINCO di mana Perdana Menteri dan Menteri-menteri sudah gunakan dan sekarang

rugi \$600,000,000 wang rakyat. Itupun satu tabungan amanah. Dia kata ini bertujuan untuk selamatkan perindustrian timah kita. EPF, dia ada beritahu EPF bagus, setakat hari ini dia kata tujuannya pun bagus, tolong pekerja. Tetapi ada satu ketika, baru-baru ini ada rugi dalam Pasaran Saham di Bursa Kuala Lumpur.

Saya bukan hendak menyentuh panjang lebar atas lain-lain tabungan amanah. Saya beri misalan, contoh-contoh mengapa pihak DAP dan rakan-rakan saya tadi dari Bandar Kuching dan Bukit Bintang tidak sokong dengan penuh cadangan Kumpulan Wang Amanah Negara. Fasal tidak ada amanah hari ini dalam negara kita. Jika ada amanah mengapa ada kemelesetan ekonomi; berbeza dengan negara-negara yang berjiran dengan kita. Berbeza dengan negara-negara yang maju di mana tiap-tiap hari kita dapat tahu ada catatan rekod-rekod baru di pasaran saham mereka, di Hong Kong, di Jepun, di Amerika Syarikat, di Thailand yang dekat sahaja, di England, di Australia. Mengapa Malaysia dikecualikan? Kerana tidak ada amanah, tidak ada keyakinan. Keamanan, kepemimpinan negara ini—where is the trust—mengapa tidak ada keyakinan, mengapa orang tidak yakin kita ada amanah lagi? Adakah berpunca dari keadaan-keadaan politik hari ini? Barangkali.

Sebagai isu-isu sekolah, kenaikan pangkat guru-guru, mengapa dalam pertandingan, dalam feksyen-feksyen (Faction) atau sub-feksyen atau Team A, B, atau Team A1, A2, C3 atau B1, B2 dalam UMNO.

Tuan Haji Abdul Manaf Haji Ahmad: (*Bangun*)

Dr Eng Seng Chai:ini satu misalan. Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Minta penjelasankah?

Tuan Haji Abdul Manaf Haji Ahmad: Point of order.

Dr Eng Seng Chai: Boleh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat nanti. Teruskan.

Tuan Haji Abdul Manaf Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, 36 (1), "Seorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh mengeluarkan apa-apa perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang dibincangkan itu." Perkara UMNO tidak ada dalam perkara yang kita bincangkan sekarang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya bersetuju Yang Berhormat jangan sentuh perkara itu lagi.

Dr Eng Seng Chai: Saya sambung, Tuan Yang di-Pertua, walaupun dia tidak berapa faham cakap saya. Saya kata kepimpinan negara ini boleh dikatakan majoritinya dikawal oleh UMNO, dan sebab-sebab ada masalah dalam pertubuhan itu maka kepimpinan politik negara inipun menghadapi masalah. Jika kepimpinan politik negara kita ada masalah, macam mana orang-orang yang membawa wang pelaburan mereka ke negara ini mempunyai keyakinan dan juga dalam isu-isu yang baru timbul selepas bulan April 22, selepas haribulan itu di mana dalam pertandingan "panjat tangga (leadership ladder), pertandingan panjat tangga kepimpinan dalam pertubuhan politik itu adalah kita dapat tahu segelintir pemimpin-pemimpin muda yang barangkali dilahirkan selepas tahun 1957 yang tidak fasih dengan sejarah kemerdekaan negara kita.

Inilah satu golongan yang kecil sekarang yang membuat kekecohan, perpecahan perpaduan negara kita.

Inilah satu golongan yang hari ini membuat turunya maruah negara kita dan inilah juga punca yang penting sekali mengapa Pasaran Saham Kuala Lumpur kita tidak boleh baik dan pulih balik dan ekonomi kita tidak boleh baik dan pulih balik. Bukan sahaja masalah-masalah politik, juga masalah pemborosan, di mana kita tahu menjalankan projek-projek raksaksa yang tidak perlu, projek raksaksa sebagai jambatan yang besar di Pulau Pinang, bangunan besar Dayabumi dan sekarang kita sudah dapat skandal \$3,400 juta.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, ada yang bangun. On a point of order?

Dr Eng Seng Chai:.....sebagai skandal UEM, Lebuhraya Utara-Selatan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, on a point of order. Yang Berhormat dari Petaling Jaya, bila saya kata—duduk.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: On a point of order 36 (1) "Seorang Ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja.". Ini tidak erti dan tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya rasa Yang Berhormat telah pergi jauh dari tajuk. Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Masuk habis ke Jambatan Pulau Pinang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat hadkan percakapan.

Dr Eng Seng Chai: Saya akan hadkan. Tetapi, Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya alih kepada "the proper substance of the speech, I must give

the introduction. Well, that was what I was taught in school", Tuan Yang di-Pertua. Inilah saya beritahu satu scenario dahulu, scenario, scenario.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya faham Yang Berhormat. Teruskan dengan point yang.

Dr Eng Seng Chai: Tetapi ada yang tidak faham, ada yang tidak ikut sejarah. Tuan Yang di-Pertua, saya adalah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (*Bangun*). Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat—Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Untuk penjelasan. Siapa yang tidak faham, saudarakah atau saya!

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, tidak payahlah—duduk!

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri jalan, nantilah saya habis.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tidak ada tanggungjawab, cakap sahaja tetapi tidak ada tanggungjawab, penakut.

Dr Eng Seng Chai: Janganlah cabar-cabar. Jangan cabar-cabar dalam Dewan yang mulia ini. Jangan cabar-cabar.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Ini bukan soal cabar, sebab saudara tidak bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Semua Yang Berhormat, sila duduk! Teruskan Yang Berhormat dari Petaling Jaya.

Dr Eng Seng Chai: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebab kita hari ini ada menghadapi.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Kita tunggu substance itu.

Dr Eng Seng Chai: Saya akan sampai. Lagi sedikit sahaja akan sampai.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tidak payahlah, teruskan dengan point yang substance itu.

Dr Eng Seng Chai: Okay, saya teruskan. Janganlah ganggu saya, Tuan Yang di-Pertua. Sebab kita tidak dapat pertolongan kewangan untuk satu pemulihan ekonomi kita, dan kita tidak dapat tolak, naik, tinggikan pasaran saham kita, macam itu kita hadapai masalah-masalah modal. Oleh sebab itu Menteri-menteri kita termasuk Perdana Menteri, termasuk Timbalan Perdana Menteri pun telah berkali-kali membawa rombongan-rombongan besar ke negara-negara Western, Eastern, Communist, Non-Communist dan akhirnya balik dengan tangan kosong. Walaupun ada banyak diberi tahu dalam suratkhbar ada hasil tetapi jika ada hasil mengapa kita tidak dapat pulihkan ekonomi kita hari ini. Juga ada satu ketika Perdana Menteri kita kata, "buy British last". Sekarang dia minta, tolonglah orang Britain datang ke sini melabur, okay. Kita pun boleh pinjam jika tidak dapat orang melabur di sini bolehlah buat pinjaman luar negeri, pinjaman dalam negeri tetapi yang kita difahamkan pinjaman kita dari luar negeri sudah sampai satu tahap \$70,000 juta.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Point of order 36 (10) (b) "perkataan-perkataan membangkitkan perasaan

melawan kuasa Kerajaan.". Tidak boleh.

Dr Eng Seng Chai: Apakah perkataan-perkataan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tadi, sangkaan jahat, kosonglah, inilah, itulah, macam-macam, semua orang tahu. Buat tanya!

Dr Eng Seng Chai: Itulah sebab pinjaman-pinjaman luar negeri kita sudah sampai pada satu tahap \$70 billion atau dalam bahasa Ingeris "70 billion our external loan" dan juga dalam negeri kita juga sudah pinjam sampai satu tahap besar, lain orang saya ingat ada khuatir hendak pinjam lebih lagi sebab ini sangat "natural" Kerajaan Barisan Nasional carilah jalan-jalan lain kalau tidak dapat pinjam, tidak dapat orang baru hendak melabur, sekarang carilah cara baru, cara tubuhkan Wang Amanah.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Point of order 36 (1), mesti menghadkan percakapannya.

Dr Eng Seng Chai: Saya sudah sampai substance.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat duduk!

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: 36 (1) seseorang ahli hendaklah menghadkan percakapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Saya sudah tahu, sudah baca satu kali.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dia tidak faham lagi.

Dr Eng Seng Chai: Saya faham.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Kalau faham takkan macam itu. Itu tidak faham—tak faham.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Petaling Jaya, 5 minit lagi.

Dr Eng Seng Chai: Panjang lagi yang "substance", Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, 5 minit. Kalau ada substance.

Dr Eng Seng Chai: Oh, kalau tidak panjang, boleh. Ya, okay.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): 5 minit Yang Berhormat dari sekarang.

Dr Eng Seng Chai: Kalau tidak ada substance, tetapi ada substance Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, jangan bertengkar lagi.

Dr Eng Seng Chai: Inilah satu cara baru Barisan Nasional, UMNO kuasai. Inilah cara baru penubuhan satu Kumpulan Wang Amanah Negara di mana dapat wang daripada Consolidated Fund, daripada PETRONAS, daripada royalti-royalti, derma, bequest, contribution, grant. Inilah dikatakan "when you have no where else to milk a cow, you try to milk fat cows". Kita tidak dapat lembu beri susu lagi, kita cari lembu lain. Dan di sini kita ada lembu PETRONAS yang sekarang ini gemok dengan banyak wang tunai dan kita akan susui PETRONAS dan lain-lain pertubuhan yang ada wang tunai. Kita akan susui barangkali beberapa panjang masa itu, kita tidak tahu, tetapi adakah patut jika inilah satu Kumpulan Wang Amanah yang dikuasai dengan betul-betul dan ditadbirkan barangkali saya sokong, barangkali orang yang saya mewakili pun sokong, rakan-rakan DAP pun semuanya sokong. Tetapi apa yang terjadi dalam naskah Rang Undang-undang ini yang kita baca semua yang akan jadi, ahli Panel lima orang yang akan dilantik oleh Menteri Kewangan. Sungguhpun Bank negara kata dia beri "supervision" tetapi sudah banyak

pengalaman kita dapat. Kita kluatir Pengerusi dan lain-lain ahli Panel ini barangkali dilantik sebagai satu naungan (political patronage) dan dalam Fasal 7 (1) (i) semua ini kuasa diberi kepada satu orang sahaja iaitu Menteri Kewangan, Menteri Kewangan yang tidak jaga kewangan negara kita.

Hari ini kita menghadapi satu kelembapan ekonomi sebab seorang dan inilah satu orang yang juga melantik Peguam Negara, Tan Sri Abu Talib, sebagai seorang Pengarah—Pengerusi Lembaga Pengarah, Tan Sri Abu Talib, Peguam Negara di Malaysia Building Society Bhd. Pada satu ketika ada seorang Menteri dari Jabatan Perdana Menteri, dia bertanggungjawab, Peguam Negara akan bersara sebagai seorang Pengarah di MBSB (Malaysia Building Society Bhd.) dan akan diganti oleh seorang lain, Radin Soenarno. Tetapi setakat hari ini saya difahamkan Tan Sri Abu Talib pun belum bersara, belum diarahkan bersara. Mengapa, mana ada amanah? Inilah seorang yang kita hari ini tidak ada kepercayaan, tidak ada keyakinan.

Tuan Zubir bin Embong : Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, point of order.

Dr Eng Seng Chai: Inilah satu orang yang.

Tuan Zubir bin Embong: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan.

Dr Eng Seng Chai: Penjelasan. Saya tidak beri jalan. Dia kata point of order.

Tuan Zubir bin Embong: Yang you duduk ini!

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri jalan. You kata.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order.

Dr Eng Seng Chai: Tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of order.

Tuan Zubir bin Embong: 36 (6) seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas sesiapa ahli lain.

Dr Eng Seng Chai: Bukan sangkaan jahat, itu satu pendapat saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap Yang Berhormat, dia belum habis.

Tuan Zubir bin Embong: Saya belum habis, dia sudah bangun.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Sebentar tadi Yang Berhormat dari Petaling Jaya telah membuat satu sangkaan yang jahat kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan; tidak amanah, tidak boleh hendak kawal kewangan negara. Saya kira pandangan-pandangan seperti ini tidak layak dikeluarkan, tidak patut dikeluarkan di dalam Dewan yang mulia ini. Hanya orang-orang yang bersikap jahat sahaja boleh mengeluarkan perkataan-perkataan yang sedemikian. Mungkin.

Tuan Lau Dak Kee: Itu ucapan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Point of order.

Tuan Zubir bin Embong: Point of order, bodoh!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Dia terangkan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, minta dia tarik balik perkataan "bodoh", saya dengar. Tuan Yang di-Pertua dengar tak?

Dr Eng Seng Chai: Itu sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Nanti sekejap.

Tuan Lau Dak Kee: On a point of order 36 (6).

Dr Eng Seng Chai: Itu sangkaan jahat, tarik balik.

Tuan Lau Dak Kee: 36 (6). Buat satu ruling, Tuan Yang di-Pertua. Saya dengar dia kata bodoh.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat hendak saya buat ruling, duduk!

Tuan Zubir bin Embong: Saya tidak dengar.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat ada sebut "bodoh".

Tuan Lau Dak Kee: Kalaulah anak lelaki, mengakulah apa yang dikeluarkan dari mulutnya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang terhormat dari Pasir Pinji, duduk!

Tuan Shahidan bin Kassim: Jangan cabar anak lelaki dalam Dewan ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, semua duduk! Nanti sekejap.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, adakah saya kena duduk juga?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Zubir bin Embong: Oleh kerana itu, dia kena tarik balik fasal itu perkataan-perkataan, ucapan-ucapan yang tidak sopan, yang tidak

seharusnya disebut dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat dari Petaling Jaya itu tidak bersopan, tetapi saya kira dia seorang yang bersopan. Maka kalau dia seorang yang bersopan, dia mesti menarik balik apa yang telah diucapkan sebentar tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat keluarkan sangkaan jahat begitu tadi?

Dr Eng Seng Chai: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat besok kita semua boleh baca dalam *Penyata Rasmi* adakah saya ada sangka jahat. Jika saya beri pendapat saya, itu bukan sangkaan jahat. Yang saya beri ada benar, hari ini kita ada kelembapan ekonomi. Mengapa.

Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat duduk sekejap.

Dr Eng Seng Chai:urusan kewangan negara kita tak.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, dia kata.

Dr Eng Seng Chai: Tak beri jalan!

Tuan Zubir bin Embong: Dia kata Menteri tidak pandai kawal wang negara, dia kata macam-macam tadi.

Dr Eng Seng Chai: Itulah saya punya pendapat, tak bolehkah? Semua Menteri pandaikah? Semua Menteri rajinkah? Inilah pendapat saya.

Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)

Dr Eng Seng Chai: Duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat duduk sekejap.

Dr Eng Seng Chai: Saya tak beri jalan!

Tuan Zubir bin Embong: Ini bukan minta jalan, ini point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Terengganu, sila duduk! Yang Berhormat dari Petaling Jaya ada satu minit lagi untuk gulungkan dan jangan sentuh kepada sesiapa Ahli Yang Berhormat.

Dr Eng Seng Chai: Saya harap kalau kuasa-kuasa—*injury time*.

Tuan Lau Dak Kee: Point of order 36 (6). Yang Berhormat dari Kuala Terengganu sebutkan perkataan “bodoh”.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pasir Pinji duduk sekejap. Tadi saya telah minta Yang Berhormat dari Kuala Terengganu adakah dia keluarkan perkataan begitu dan dia kata tidak. Saya tidak dengar dan kalau dia kata tidak, saya sekarang tidak boleh buat apa-apa.

Tuan Lau Dak Kee: Takkan semua orang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, kita tidak boleh jalankan satu enquiry di sini. Yang Berhormat dari Petaling Jaya ada satu minit lagi.

Dr Eng Seng Chai: *Injury time*, Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Termasuk *injury time*.

Dr Eng Seng Chai: Tadi saya kata, saya tak setuju dengan Rang Undang-undang ini di mana semua kuasa diberi kepada seorang sahaja. Saya cadang kuasa patut ditakluk kepada pemerintah Parlimen, “direct control by Parliament”, fasal ini wang amanah rakyat dan kita harap tujuan-tujuan dan “benefit” akan diberi kepada orang yang perlu “benefit” itu sebagai tujuan pendidikan atau pertolongan

mangsa-mangsa apa-apa "natural disaster" atau orang-orang yang cacat atau terencat akal atau kebudayaan dan "arts and crafts", inilah tujuan-tujuan yang baik, bukan pinjam-meminjam kepada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan-kerajaan Negeri atau Perbadanan Berkanun atau kongsi-kongsi dan syarikat-syarikat di mana Kerajaan ada kepentingan dan mengalami kerugian yang besar. Saya tak sokong Rang Undang-undang ini fasal ini "smacks of a rescue scheme", ini berbau hendak menyelamatkan syarikat-syarikat, perbadanan-perbadanan Kerajaan Barisan Nasional, "it smacks of a rescue scheme". Inilah satu cara yang baru Kerajaan cari sumber-sumber kewangan untuk sembunyikan kekurangan kecekapan pemborosan dan korupsi-korupsi Kerajaan Barisan Nasional.

Itulah satu minit, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pagoh.

5.45 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut serta untuk membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara lain yang bersampingan dengannya.

Tuan Yang Di-Pertua, langkah Kerajaan menggubal Rang Undang-undang bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara ini haruslah disambut baik dan disokong oleh setiap rakyat yang rasional, yang tidak selfish di negara ini yang ingin melihat kedudukan negara lebih mantap, bukan sahaja dari segi politik, tetapi juga dari segi ekonomi, iaitu untuk

masa depan ekonomi negara yang terus cerah. Langkah ini adalah langkah berjaga-jaga dalam hal kewangan Kerajaan supaya negara kita tidak akan terjerumus kepada keadaan yang teruk apabila berlaku keadaan ketidakstabilan dan penurunan ekonomi negara khususnya dengan penurunan harga-harga barangan, iaitu seperti komoditi utama negara kita. Sekiranya PETRONAS mencarum sebanyak \$100 juta setahun sehingga tahun 2002, ini bermakna jumlah caruman dalam tempoh 15 tahun menjadi \$1,500 juta. Ini adalah satu caruman yang kukuh, yang kuat dan jika pelaburan yang diuruskan oleh Bank Negara dapat dijalankan dengan licin selepas tempoh 10 tahun, caruman PETRONAS kepada Kumpulan Wang Amanah Negara sudah tentu wang terkumpul dalam Kumpulan Wang Amanah Negara ini akan lebih bertambah.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap benar-benar supaya sebarang pelaburan yang dilakukan akan membawa faedah yang lebih tinggi. Oleh itu, ahli-ahli panel dalam pengurusan hendaklah terdiri daripada ahli-ahli yang paling cekap, ahli-ahli yang harus boleh dipercayai dan ini amatlah mustahak, lebih-lebih lagi jika dipandang dari segi accountabilitynya dan juga credibilitynya.

Satu lagi perkara saya ingin tegaskan di sini, seharusnya ahli-ahli panel yang telahpun dilantik ini mestilah mempunyai masa yang tertentu dan jangka masa itu hendaklah jangan terlalu panjang supaya kuasa-kuasa seorang ahli panel ini tidak dapat diguna dengan sewenang-wenang dalam satu jangka masa yang panjang dan ini akan memberikan kepada satu usaha untuk check and balance, dengan izin.

Walau apapun diperkatakan tentang sumber wang ini, setiap sen daripada

hasil itu adalah hak rakyat. Oleh itu, amanah rakyat ini perlu dijaga dan dikekalkan public accountabilitynya. Kita tidak mahu Kumpulan Wang Amanah Negara ini terseleweng akibat tersalah pengurusan dan kelemahan sama ada sengaja atau tidak disengajakan. Pinjaman kepada Kerajaan-kerajaan Negeri harus diambil kira tentang prospek dan jaminan dari segi bayaran balik. Jumlah pemberian kepada Kerajaan Negeri juga janganlah sewenang-wenang, perlulah ada had-had yang tertentu supaya apa juga kesan buruk yang berlaku dipihak peminjam tidak akan menjejaskan kedudukan Kumpulan Wang Amanah Negara.

Tujuan penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara ini amatlah baik sebagai satu langkah jangka panjang menyelamat generasi yang akan datang. Generasi akan datang tentulah akan bersyukur dan berterima kasih dengan niat ikhlas dan baik setiap kita yang ada pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, dengan adanya Kumpulan Wang Amanah Negara ini, maka pendapatan Kerajaan hari ini tidak akan digunakan dengan sewenang-wenangnya tetapi akan lebih terkawal dan terjamin bagi menentukan pembangunan yang seimbang, pembangunan yang akan berterusan yang akan dijalankan mulai hari ini sehinggalah generasi yang akan datang.

Kita memberikan keutamaan ini kerana hari ini kita telah melihat sendiri kepupusan yang berlaku ke atas sumber-sumber asli hasil di negara ini sama ada yang diluluskan oleh Kerajaan ataupun yang dijalankan dengan secara haram oleh pihak-pihak yang tertentu seperti hasil-hasil kayu balak, umpamanya.

Saya juga menyokong sebarang langkah untuk penggunaan wang ini bagi tujuan memulihkan kepupusan

hasil seperti kayu balak dan lain-lain. Perkara ini boleh dijadikan prioriti dalam usaha menyelamatkan hasil-hasil utama dan berharga di seluruh negara yang pada hari ini semakin pupus oleh sebab lemahnya perancangan di peringkat negeri atau oleh sebab lemahnya perancangan di peringkat negeri atau oleh kekurangan kewangan yang dihadapi oleh negeri-negeri yang tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, Kumpulan Wang Amanah Negara patutlah mengadakan suatu garis panduan yang jelas tentang cara pembayaran balik beserta dengan hukuman yang patut dikenakan, yang akan menguntungkan Kumpulan Wang Amanah Negara, jika mana-mana pihak gagal membayar balik pinjamannya.

Pada kadar pertumbuhan penduduk negara diambil kira 3% setahun di dalam negara ini menjelang tahun 2002 dijangka penduduk negara akan meningkat kepada 22 juta orang. Dengan adanya jumlah Kumpulan Wang Caruman Tetap sebanyak \$1,500 juta dan hasil-hasil pelaburan yang bertambah, maka sudah tentu menjamin usaha-usaha ke arah pembangunan yang lebih pesat bagi memenuhi kehendak yang semakin meningkat kepada jumlah penduduk yang semakin ramai di negara kita.

Dengan itu, Tuan Yang di-Pertua, secara ringkas saya rumuskan dalam harapan kita hari ini bahawa Kumpulan Wang Amanah Negara hendaklah benar-benar akan menjadi satu Kumpulan Wang Amanah Rakyat, satu Kumpulan Wang Amanah yang tidak akan terlibat dengan sebarang skandal penyalahgunaan wang ini sama ada untuk tujuan peribadi atau untuk tujuan satu-satu pihak, kumpulan yang ingin merosakkan dan melemahkan Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Dan kita juga ingin supaya pinjaman dari Kumpulan

Wang Amanah Negara ini tidak seharusnya dalam apa keadaan pun terlepas daripada kawalan mana-mana pihak bertanggungjawab, khasnya pihak Ahli Panel Pelaburan Kumpulan Wang Amanah. Apa yang tersirat di sebalik falsafah penubuhan Kumpulan Wang Amanah Negara ini harus dihayati supaya keamanahannya kekal.

Inilah sahaja senjata yang akan menjadi penyelamat generasi yang akan datang. Elakkan Kumpulan Wang Amanah Negara ini dari dijadikan Kumpulan Wang Amanah untuk menjadi penyelamat keadaan hasil dari kecurangan sesuatu pihak. Biarlah Kumpulan Wang Amanah Negara ini menjadi penyelamat dan pemulih kepada keadaan ekonomi negara kesan dari kemerosotan ekonomi dunia seperti dalam keadaan yang berlaku pada hari ini.

Dengan kata-kata itu, Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi menyokong Rang Undang-undang ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Marang.

5.55 ptg.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin turut membincangkan soal Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara ini. Sebentar tadi kita telah disuakan dengan berbagai pandangan dari berbagai pihak dan kita menyedari bahawa Kementerian Kewangan khususnya dan juga Kerajaan Malaysia mempunyai satu cita-cita besar, mempunyai satu cita-cita murni, mempunyai satu cita-cita yang jelas baik dan berfaedah kepada keselamatan dan kesejahteraan ekonomi khususnya rakyat Malaysia.

Daripada apa yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat

Timbalan Menteri Kewangan dapat melihat dan menjelaskan kepada kita bahawa wujudnya satu perancangan, wujudnya satu persediaan dalam kontek jangka pendek, mahupun dalam konteks jangka panjang terhadap kesejahteraan ekonomi negara ini dengan cara menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara walaupun tujuan ini dipandang remeh-temeh oleh beberapa orang yang cetek pandangan dan pendapatnya.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita teliti dari segi Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara, maka ternyata kepada kita beberapa kemungkinan yang mungkin wujud di masa akan datang. Misalnya, kemungkinan akan berlakunya kepupusan hasil utama negara seperti minyak dan juga bahan mentah yang lain. Begitu juga kemungkinan akan berlaku bencana alam, malapetaka dan sebagainya. Kemungkinan-kemungkinan ini menyebabkan kita harus bersedia menyimpan aliran limpahan wang, terutamanya daripada hasil bahan mentah utama seperti aliran wang yang agak melimpah ruah daripada sumber minyak yang dikendalikan oleh Petronas. Aliran-aliran seperti ini sebenarnya akan dapat menjamin keutuhan masa kini dan juga masa akan datang dan sekali gus kita kira akan memungkinkan juga bahan-bahan yang lain yang mungkin kita tidak terfikir ataupun dia tidak berjumpa pada hari ini untuk dimasukkan dalam satu Kumpulan Wang Amanah Negara apabila kita jumpai nanti.

Tuan Yang di-Pertua, sukalah juga saya menjelaskan di sini bahawa teraju utama sama ada jaya ataupun gagalanya Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara ini adalah terletak kepada para pengamanah, kepada para panelnya yang saya kira jelas dari Fasal 4 (1) terutamanya juga 4 (2) di mana Ahli Panel itu terdiri daripada Pengerusi, Timbalan

Pengerusi, seorang pegawai daripada Jabatan Perdana Menteri dan dua orang anggota yang mempunyai pengalaman dalam perniagaan atau kewangan. Mereka inilah nanti yang akan menentukan sama ada gagal ataupun jayanya. Tetapi sebelum itu, inginlah saya menyatakan bahawa kejayaannya itu bukan sahaja terletak kepada keilmuan, kepada kualitinya ataupun kepada kuasa Menteri itu sahaja, tetapi ia lebih terletak dalam soal keamanahannya, dalam soal kualitinya, bukan soal kuantitinya.

Maka dalam sehubungan ini, perlulah soal amanah, soal kejujuran, soal tanggungjawab mesti diambil kira. Adalah tidak keterlaluan sekiranya saya mencadangkan kepada pihak yang mencadangkan Rang Undang-undang ini supaya nilai-nilai keagamaan, nilai akhlak perlulah dijadikan syarat, perlulah dijadikan keutamaan di dalam mencari kriteria kepada mereka yang bakal menjadi Ahli Panel.

Dan saya juga tertarik kepada cadangan saudara Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas, agar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, siapa juga yang akan menjadi Perdana Menteri turut juga memberikan kuasa serta hak mutlaknya selain daripada Menteri Kewangan sendiri.

Dalam soal ini bukanlah maksud saya untuk mempersoalkan ataupun menidakkan kewibawaan Menteri itu sendiri. Tetapi saya kira pertambahan kuasa daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri akan mengakibatkan wujudnya checks and balances, dengan izin, terhadap soal Panel yang merupakan teraju utama sama ada gagal ataupun jayanya projek yang dicadangkan ini.

Perkara yang kedua yang ingin saya sentuh iaitu mengenai dengan pelaburan yang mana telah disentuh oleh beberapa orang Ahli-ahli Yang Berhormat bahawa akan wujudnya

satu kemungkinan penyalahgunaan kuasa, penyelewengan, korupsi yang boleh mengakibatkan runtuhnya Amanah ini sendiri. Saya kira di dalam beberapa seksyen yang telah diterakan di dalam kertas biru ini kita tidak perlu menaruh kebimbangan yang begitu mendalam kerana Kumpulan Wang Amanah ini adalah merupakan satu kumpulanwang yang dijamin oleh beberapa faktor. Misal kata pada Seksyen 11 (1), 2 dan (3) wujudnya tindakan akaun dan audit ini bukan sahaja berhenti di situ tetapi juga akan disusuli dan juga dibentangkan di dalam Majlis Parlimen di mana Ahli-ahli Parlimen mempunyai hak untuk memberi teguran serta pandangan.

Lagi pun, selain daripada itu, kita juga dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan tadi bahawa akan wujud satu bentuk pengurusan, satu bentuk pentadbiran yang dilakukan setiap hari oleh Bank Negara Malaysia. Jadi, apabila kita menyebut Bank Negara Malaysia seharusnya kita mengangkat tabik dan memberi pujian, bukan macam DAP, memberi tabik dan pujian bahawa dari segi authority, dari segi kewibawaan tidak akan mungkin berlaku sesuatu perkara yang di mana dari segi pelaburan ini akan berlaku penyelewengan dan seumpamanya.

Walau bagaimanapun, dari segi itu perlulah soal kepakaran terhadap Juru Audit ataupun Akauntan diambil kira ataupun dalam kata bentuk yang lain soal profesionalisma ini menjadi perhitungan yang mesti dipentingkan. Bukanlah sengaja ataupun diambil atas nama jawatannya sebagai Auditor ataupun atas jawatannya sebagai Accountant tetapi nilai, mutu audit, mutu akauntannya itu perlulah diambil kira.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapati bahawa wang ini akan memberi sumbangan faedah setelah 10 tahun dilaburkan di mana pihak Kerajaan-kerajaan negeri

ataupun Kerajaan Persekutuan boleh membuat pinjaman.

Inginlah saya menyentuh dan juga mencadangkan agar beberapa syarat sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat tadi ditekankan secara mantap, secara sungguh-sungguh dengan cara mengambil kira keupayaan untuk membayar balik cagaran yang ada, keutuhan serta kestabilan politik kalau ianya di negeri-negeri yang agak pincang politiknya, garis pandangan yang kemas kini, serta mengetatkan tindakan serta hukuman yang sewajarnya pada pihak-pihak yang akan diberikan pinjaman itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam kertas biru ini juga ada menyatakan bahawa PETRONAS merupakan sasaran yang agak utama dalam soal-soal wang yang dikehendaki dibayar ke dalam Kumpulan Wang. Menyentuh tentang soal ini adalah kemungkinan besar keupayaan PETRONAS memberi sumbangan terhadap Kumpulan Wang ini. Tetapi sehubungan dengan itu apabila pihak PETRONAS memberikan sumbangan kepada kita, kepada Kumpulan ini maka perlu juga diambil kira apakah pula sumbangan yang boleh kita beri ataupun kita laburkan kepada badan-badan atau agensi-agensi seperti ini.

Saya turut mencadangkan bahawa adalah sangat elok kalau sekiranya bentuk bahan-bahan mentah ini kita tidak mengeksploitasinya dalam bentuk pengeksportan yang mentah itu sahaja tetapi perlulah juga bahan-bahan yang sedemikian rupa yang mana boleh ditukarkan ke dalam bentuk barangan siap—sebagai contoh, minyak. Kalau kita ingat minyak ini, kita ingat hanya untuk minyak kereta ataupun bentuk cecair ataupun dalam bentuk "liquid" sahaja. Tetapi sebenarnya minyak, kalau tidak silap saya, ia boleh menghasilkan

barangan-barangan siap tidak kurang daripada 1,650 jenis barangan-barangan siap ataupun mungkin lebih lagi. Itu kalau kita tanya negara-negara yang maju.

Jadi, apabila kita menyedari bahawa minyak merupakan satu potensi yang baik di dalam menukarkannya kepada barangan-barangan siap, kita juga akan mengandaikan bahawa akan terjumpa barangan-barangan yang lain yang boleh kita tukarkan dalam bentuk barangan siap yang lebih banyak faedahnya. Maka kalaulah mana-mana agensi Kerajaan yang mempunyai pelaburan, yang mempunyai hubungkait dengan barangan siap, yang mempunyai potensi, yang mempunyai kaitan dari segi pelaburan wangnya, dalam Kumpulan Wang Amanah ini maka seharusnya pihak Kumpulan Wang Amanah ini menggalakkan agensi-agensi yang sedemikian menukarkan bahan-bahan mentah tadi di dalam bentuk barangan-barangan siap dengan cara memberikan insentif-insentif ataupun galakan-galakan supaya agensi-agensi yang berkenaan memainkan peranan yang lebih jelas, yang lebih kukuh bagi menambahkan, bagi menyokong tentang pendapatan yang berpunca dari bahan mentah itu sahaja.

Adalah sudah tiba pada masa dan waktunya bahawa rakyat Malaysia pada hari ini, juga Kerajaan, tidak seharusnya lagi bergantung sepenuhnya kepada bahan-bahan mentah sahaja kerana bahan-bahan mentah ini sebagaimana kita ketahui adalah merupakan bahan-bahan yang sebenarnya juga ditentukan oleh pasaran ekonomi dunia. Jikalau sekiranya permintaan dunia itu jatuh ataupun menurun maka sudah barang tentulah kesan dan akibatnya akan sampai kepada negara kita—contoh, minyak kelapa sawit. Maka apabila kita menyedari akan hal dan keadaan ini perlulah ada satu perancangan, ada satu bentuk galakan supaya kita tidak

seharusnya bergantung terus menerus kepada bahan-bahan mentah itu sahaja tetapi perlulah digalakkan. Cara kita hendak galak, cara kita hendak buat, bolehlah kita fikirkan ataupun kita kaji bersama.

Tuan Yang di-Pertua, melihatkan kepada cita-cita murni ini, cita-cita besar ini maka tidak ada sebab kita Ahli-ahli Parlimen dalam Dewan yang mulia ini memberikan sokongan terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk mewujudkan satu Kumpulan Wang Amanah bukan untuk diri kita tetapi untuk jenerasi yang akan datang. Saya sendiri mengakui bahawa di dalam usaha-usaha Kerajaan menjalankan satu-satu perancangan, memberikan sesuatu tindakan, sudah barang tentu ada kelemahan-kelemahannya. Tetapi kelemahan-kelemahan, kegagalan-kegagalan yang ada saya mengingatkan terutama kepada pihak Pembangkang jangan jadikan sebagai satu kesimpulan untuk mengatakan bahawa hasrat besar itu, cita-cita besar itu mesti dimatikan dan tidak disokong.

Saya mengingatkan ini kerana bukan untuk kepentingan kita, tetapi kita mengingatkan bahawa cita-cita besar ini, cita-cita murni ini adalah cita-cita wajar, cita-cita teras yang mementingkan seluruh orang kini dan juga akan datang. Janganlah kita ingat adanya penyelewengan, korupsi di dalam bank ataupun dalam agensi-agensi Kerajaan maka kita terus membuat satu andaian cetek sebagaimana kata Yang Berhormat dari Petaling Jaya tadi untuk mengatakan bahawa kita gagal melaksanakan cita-cita besar itu nanti. Kalaulah ini yang kita fikirkan, kalaulah ini akan timbangan, kalau inilah yang kita kirakan, sudah barang tentu kita tidak akan ke mana. Sebab itulah DAP tidak akan ke mana dan tidak boleh menguasai Kerajaan pada hari ini. Kita mengingatkan ini, kita

mahu pihak yang mencadangkan, Menteri Kewangan yang mencadangkan supaya tidak tunduk kepada tuntutan, supaya tidak tunduk kepada pandangan jelek di dalam kita menghasrat cita-cita murni kita itu.

Kita telah melihat bahawa Kumpulan Wang Amanah ini satu kumpulan boleh memastikan bahawa keuntungan-keuntungan serta faedah-faedah daripada berbagai Kumpulan Wang, daripada hasil-hasil ini untuk disatukan, hendak dijadikan satu kumpulan wang besar, hendak dilaburkan, hendak dimaksimakan, hendak diratakan bagi semua orang, pada semua rakyat. Maka tidak ada sebab kita tidak boleh menyokong usaha ini kecuali mereka yang cetek pandangan dan pengalamannya.

Saya bercakap dalam Dewan ini bukan dengan emosi, bukan dengan perasaan, tetapi untuk mengingatkan bahawa tidak ada sesiapa pun yang kita benarkan untuk mengambil kesempatan, untuk bercakap sesuka hati demi perasaan dan demi memporak-peranda keadaan dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Petaling Jaya minta penjelasan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Sila.

Dr Eng Seng Chai: Jika dia bercakap dengan tidak ada emosi, suruh dia jangan cakap begitu kuat, telinga sakit. Jangan jerit-jerit, jangan jerit-jerit, telinga sakit. (*Ketawa*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya pun cakap boleh ketawa, boleh relax. Itu stail saya, apa dia sibuk. Dia pun hendak jerit-jerit, jeritlah. Tuan Speaker tidak sibuk, dia hendak sibuk. Tanya yang lain, kita boleh relax, tidak ada apa.

Okaylah saya turun sedikit nada. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua, saya melihat banyak perkara yang boleh kita ambil, yang boleh kita untung daripada cadangan ini dan kita percaya bahawa terdapat pandangan-pandangan yang dikemukakan tadi, tetapi kita mintalah Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak mengeneppikan pandangan-pandangan itu terutama menyentuh tentang amanah kepada ahli-ahli panel itu sendiri. Saya sudah mengingatkan bahawa di permulaan cakap saya tadi, saya menyatakan bahawa jaya atau mundurnya projek besar ini punca utamanya bergantung kepada sifat taqwa, keimanan dan keikhlasan di dalam kerja-kerja ini. Mungkin kita boleh amanah bila diberi seringggit, tetapi kita tidak boleh amanah bila diberi seratus ringgit. Kita boleh amanah bila diberi seribu, tetapi kita tidak boleh amanah bila diberi seratus ribu ringgit. Orang boleh amanah bila diberi satu juta, tetapi orang tidak amanah bila diberi 20 juta, tetapi orang mungkin tidak amanah apabila diberi dua billion. Saya ambil cerita ini kerana kita sudah ada bukti, dan bukti itu ternyata begitu menyakitkan dan memilukan.

Kumpulan Wang Amanah ini kalau disatukan, kalau dipungutkan, ia melibatkan pengambilan seluruh hasil-hasil dalam negara ini dan saya kira apabila dikatakan seluruh mendasarkan kepada kejayaan ekonomi negara kita maka sudah barang tentulah bahawa ianya akan menjadi satu angka yang besar. Kita bimbang bila angka besar, cita-cita kita besar, orang-orang yang bertanggungjawab ini juga akan menjadi jerung serta ikan yu yang besar-besar. Jadi, kita mengingatkan ini kerana kita sendiri yang menegak serta mahu melaksanakan cadangan-cadangan ini terpaksa berhempas pulas, terpaksa mengkaji siang malam tetapi dalam masa yang sama. . . .

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: kita akan diharungi serta ditumpaskan oleh mereka yang mungkin tidak amanah dan bertanggungjawab. Duduklah dahulu, saya tidak ada hasrat untuk melayani. Hendak bertanya juga.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Gulungkan Yang Berhormat, habiskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Dia bangun kali yang kedua, saya kasihan, sila.

Dr Eng Seng Chai: Tadi wakil dari Marang sudah kata, dua ribu juta barangkali ada amanah, dia bimbang. Saya hendak tanya dia, dalam Rang Undang-undang ini yang lantik Menteri Kewangan, yang kuasai Menteri Kewangan yang suruh mengalihkan wang masuk tabung ini pun Menteri Kewangan, yang guna wang ini pun Menteri Kewangan. Macam itu saya tanya dia. Dia risaukah tidak kalau Menteri Kewangan yang dapat semua kuasa ini. Bukankah lebih baik sokong DAP. Kita tidak sokong Rang Undang-undang ini.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, dia bercakap rendah, steady, tetapi penuh dengan emosi dan sangkaan yang tidak betul. Walaupun kuasanya Menteri Kewangan, tetapi saudara Yang Berhormat mesti ingat bahawa dalam seksyen yang sama baca habis-habis iaitu di Fasal 11 (1) ada disebutkan mengenai akaun dan audit bahawa Panel hendaklah menyimpan atau menyebabkan disimpan akaun dan lain-lain rekod yang sempurna berkenaan dengan perjalanan Kumpulan Wang Amanah dan

hendaklah menyediakan penyata-penyata akaun berkenaan dengan setiap tahun kewangan dan (2) Panel hendaklah tidak lewat daripada tiga bulan selepas berakhirnya tahun kewangannya menyebabkan akaun Kumpulan Wang diauditkan oleh Ketua Audit Negara. Jadi kita nampak jelas bahawa adanya Panel, adanya peranan Bank Negara, ada juga peranan daripada Parlimen. Jadi, kita kira boleh kita sokong hal ini. Cuma yang saya minta bersama tadi iaitu bahawa kualiti ahli Panel itu mestilah dilihat dalam konteks akhlak, dalam konteks amanah dan juga dalam konteks tanggungjawab yang lebih merata.

Dr Eng Seng Chai: (*Bangun*)

Tuan Abdul Rahman bin Bakar:
Sila, sila.

Dr Eng Seng Chai: Betul dan benar adalah audit, adalah satu laporan tahunan, tetapi ternyata juga hari ini banyak perbadanan pun ada peruntukan di mana audit dibuat oleh Ketua Audit Negara dan sepatutnya serahkan laporan tahunan kepada Parlimen. Tetapi kita difahamkan setakat hari ini telahpun ada banyak syarikat berkanun dan syarikat-syarikat yang dikuasai oleh Kerajaan belum lagi bentangkan laporan-laporan mereka dalam Dewan ini. Bukankah itu ternyata?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, saya rasa lebih baiklah Yang Berhormat Menteri bila dia menjawab—memberi jawapannya. Yang Berhormat teruskan dan habiskan.

Tuan Abdul Rahman bin Bakar: Saya kira kita dalam membincangkan soal ini minta izinkan sedikit, Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya diberi untuk diteruskan bahawa itulah tadi saya mengingat dalam ucapan saya kita janganlah melihat tentang

kegagalan-kegagalan. Kenapa Yang Berhormat sendiri tidak timbulkan tentang kejayaan-kejayaan yang telah dijayakan oleh pihak Kerajaan baik di pihak Persekutuan ataupun pihak Negeri. Itulah kita kata kalau kita rasional, kalau kita mahu melihat satu masalah itu, kita mestilah melihatnya secara menyeluruh dan tidak bersifat penjurusan ataupun satu sudut yang kecil yang seharusnya sudut itu meliputi sudut-sudut yang lebih besar. Ini adalah tidak adil.

Tuan Yang di-Pertua, bila kita mengkaji secara lebih mendalam ataupun lebih terperinci maka ternyata bahawa banyak keuntungan dan juga banyak faedah. Kalau saya bercakap lagi tentang keuntungan dan faedah ini, kita nampak bahawa wang pelaburan wang amanah ini sendiri boleh dilaburkan, boleh diberikan bantuan kepada bank-bank yang tertentu ataupun kepada mana-mana bank yang sesuai dan juga kepada pihak-pihak yang tertentu.

Hari ini masalah yang utama yang dihadapi oleh bank salah satunya ialah bagaimana untuk mendapatkan kewangan bagi menjalankan tindakan-tindakan perniagaan mereka. Jadi saya kira apabila kita mempunyai satu Kumpulan Wang Amanah tidaklah lagi pihak-pihak bank itu menjuruskan permintaan serta tampungan modal mereka itu kepada Kerajaan sahaja tetapi kita juga ada satu bentuk kumpulan wang yang kita kira mempunyai hubungan yang rapat dengan pihak Menteri Kewangan dan ini lebih mudah serta menyegarkan peranan bank itu daripada masa ke semasa.

Saya kira itulah satu dua perkara yang saya hendak timbulkan dan saya dengan penuh keikhlasan supaya perkara-perkara yang kita cadangkan itu tadi turut diambil perkiraan dan dengan penuh kegembiraan serta mengambil perasaan ekonomi yang

ada pada hari ini saya turut menyokong tentang Rang Undang-undang Kumpulan Wang Amanah Negara yang telah dibawa oleh Timbalan Menteri Kewangan ini untuk diluluskan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

6.21 ptg.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun ikut serta membahaskan Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara yang dibentangkan oleh Timbalan Menteri Kewangan.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bercakap sedikit sahaja semoga dapat saya memberi sepatah dua cadangan-cadangan dalam perkara ini. Ini adalah satu daripada cita-cita baik, sepatutnya Akta seperti ini ditubuhkan sejak beberapa lama dahulu kerana ini amat mustahak dan amat perlu bagi negara. Walau bagaimanapun, dengan adanya kesedaran ini semoga akan dapat memberi dan menambah baik keadaan kedudukan pentadbiran dalam Kerajaan dan khasnya dalam segi menjaga kewangan, harta-benda rakyat dan sebagainya. Cuma yang saya ingin sebutkan sedikit tentang luasnya bidang ini iaitu sambungan daripada perkataan "Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara dan bagi membuat peruntukan mengenai pengurusan Kumpulan Wang itu dan perkara-perkara yang lain bersampingan dengannya."

Rasa saya ini adalah bidangkuasa yang sungguh luas diberikan kepada ahli-ahli Panel. Rasa saya dalam segi menjaga amanah Kumpulan Wang Amanah Negara ini tidak boleh diberi kuasa begitu luas. Mestilah diberi kuasa yang terhad agar mereka tidak

bermaharajalela menggunakan kuasa-kuasanya dengan wang-wang yang tersebut. Sekalipun kita ada audit, kita ada itu dan ini, sebagaimana ada dalam negara sekarang kita ada juruaudit bukan sedikit tetapi banyak juga didapati dalam negara kita pecah amanah yang sering berlaku. Ini tidak lain tidak bukan salah satu daripadanya sebab-sebab kuasa yang diberi terlampau luas.

Saya ingin mencadangkan di sini iaitu sebagaimana kita sekarang bentang di Parlimen tentang Akta bagi menubuhkan Kumpulan Wang Amanah Negara, cadangan saya ialah apabila sahaja pihak ahli Panel berkenaan akan datang ingin hendak beri hutang yang berjumlah besar kepada mana-mana pihak, sama ada dalam negeri atau luar negeri, hendaklah dibentang di Parlimen lebih dahulu. Kita takut-takut jadi sebagaimana berlakunya BMF dahulu, supaya apa yang berlaku skandal BMF itu agar tidak berlaku lagi selepas masa-masa akan datang.

Nombor dua cadangan saya, tidak boleh diberi sebarang pinjaman wang amanah negara ini sebelum cukup umurnya 10 tahun. Ertinya sebelum 10 tahun kita tidak diizinkan memberi sebarang pinjaman bertujuan supaya Kumpulan Wang ini bertambah besar dan bertambah kemas.

Ketiga, anggota-anggota (ahli) Panel hendaklah disiasatkan lebih dahulu rekod-rekodnya. Satu daripada rekodnya kita tidak mahu ahli Panel ini terdiri daripada orang yang ada hutang banyak. Yang kedua, kita tidak mahu ahli Panel ini terdiri daripada orang yang selalu berhutang dan kita tidak mahu ahli Panel ini terdiri daripada orang kaya sangat. Orang kaya sangat, banyak juga orang mengatakan kalau orang kaya dia tidak gelap mata. Tetapi sebenarnya kalau orang kaya sangat saya umpamakan seperti gajah, orang kaya

sangat ini seumpama gajah. Gajah ini dia bukan hanya hendak makan buah pisang, kalau dia makan buah pisang, daunnya sekali, batangnya sekali (*Ketawa*). Begitulah tabiat orang kaya-kaya, kalau dia hendak tipu, dia tipu, dia tidak tipu \$10,000; \$20,000— dia tipu juta-juta, ertinya dia makan sampai ke akar. Kita tidak hendak orang macam ini.

Kemudian apa yang disarankan oleh dua Ahli Dewan Rakyat kita dari Marang dan dari Pasir Mas iaitu supaya dilibatkan sama Perdana

Menteri, mana-mana Perdana Menteri. Saya rasa ini patut difikirkan lebih dahulu, takut-takut Perdana Menteri ini akan merasai diannya gajah.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat boleh sambung esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sehingga pukul 3.00 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.